



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

EISSN: 3009 - 1039
EDISI KETIGA : JUL - SEPT 2023

WACANA


BULETIN AKADEMIK & ANTARABANGSA



UMK BANTU BANGUNKAN SOSIOEKONOMI ORANG ASLI

MENARIK DI DALAM

eISSN 3009- 1039



9 773009 1103003

- Akademik
- Pengajaran dan Pembelajaran
- Kerjasama Akademik
- Mobiliti dan Antarabangsa
- Pelajar
- Aktiviti



SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad

Ketua Editor

Mohd Badrul Hisyam Muhamad Alias

Editor

Mohd Zulfadli Mat Husin

Puteri Nurainul Bismi Jondi

Fatin 'Afina Ramzi

Nik Nurul Fazlina binti Noor Akmar

Pereka

Nurfatinah Izzati Zamri

Bacaan Pruf

Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi bin Masri

HAK CIPTA

Penerbitan Korporat UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web, Pusat Komunikasi Korporat, UMK.

Diterbitkan oleh:


Penerbitan Korporat, UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim
Tel : 09-7797015
Emel : bpk.pkk@umk.edu.my

Disediakan oleh:

Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP)
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan
16300, Bachok, Kelantan

 www.hea.umk.edu.my

 dcvai@umk.edu.my

 Pejabat TNCAA UMK

KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan	iv
Dari Meja Ketua Editor	v
UTAMA	6
▪ UMK bantu bangunkan sosioekonomi orang Asli Gua Musang	7
AKADEMIK	12
▪ Perasmian Hospital Pengajar Perubatan Veterinar UMK	13
▪ Karnival Pendidikan Kerjaya Program Matrikulasi anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia	14
▪ Bengkel penetapan kaedah pengajaran dan pembelajaran HyFlex (Kurikulum Terbuka)	18
▪ Pentaksiran akhir semester Februari Sesi 2022/2023	19
▪ Bengkel Penyediaan Soalan APEL.A	21
▪ Pementapan Buku Peraturan Akademik bagi pelajar separuh masa UMK seliaan UMKCEE	22
▪ Majlis Penyampaian Anugerah INEX	24
▪ Anugerah "Best Tourism & Hospitality Education Program" di World Islam Tourism Award 2023	25
▪ Hari pendaftaran dan program induksi pelajar Baharu pra-ijazah Sains bagi semester intensif September 2023	26
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN	28
▪ International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (ITELIC) 2023	29
▪ Penyertaan UMK ke International University Carnival on e-Learning (IUCEL 2023)	31
▪ Bengkel pemurnian dan pra pelaksanaan struktur kurikulum fleksibel dan HyFlex	33
▪ Bengkel Transformational Curriculum Design in Experiential Learning Workshop: Personalized Experiential Learning (POISE)	34
▪ Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran 2023	36
▪ Bengkel penyediaan dokumen Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning (COPPA:ODL)	37
▪ Bengkel Navigating & Nurturing SULAM @UMK: Introduction, governance and implementation	39
▪ Bengkel Crafting dynamic learning: A transformative curriculum design in experiential learning using IDEAL	40
KERJASAMA AKADEMIK	41
▪ Mesyuarat persatuan sekolah veterinar Asia (ASIAN Association of Veterinary School) di University Hokaido Jepun	42
▪ Kunjungan Muhibbah ke Fakultas Kedoktoran Hewan di Indonesia	42
▪ Lawatan jalinan kerjasama oleh Prof. Dr. Karunsh Saxena, Naib Canselor Sangam University, India dan Prof. Dr. Depuru Bharati, Naib Canselor Sri Padmavati Mahila Visvavidyalayam, India	43
▪ Bengkel pembentangan Cadangan Pembangunan program akademik Baharu pascasiswazah Bersama penasihat luar dan Lembaga penasihat	44

▪ Lawatan pematuhan akreditasi Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) bagi program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalam, Fakulti Senibina dan Ekistik	45
▪ Bengkel pemurnian ringkasan tugas dan projek kursus Bersama Profesor Adjung Jabatan Senibina Dalam serta perbincangan industri dan akademik semester September 2023/2024	46
▪ Delegasi FSDK ke AdvComp UniMAP	47
▪ Program jurulatih dan mentor UMK: Kelab robotic skot (2) untuk persediaan ke Pertandingan Robotik Robo Tracer Petrosains 2023	48
▪ Kunjungan hormat Pahang Skills Development Center	49
▪ Kunjungan hormat FSDK dan AIBIG ke Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat *BPTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	50
▪ Lawatan sambil belajar kakitangan UMK ke Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh	51
▪ Lawatan penanda aras ke Pusat Pengurusan Akademik UKM	51
▪ Lawatan kolaborasi ke Universitas Mercu Buana (UMB) kampus Meruya, Jakarta	52
▪ Lawatan delegasi Ramaiah Institute of Management, India (MSRIMS) ke UMK	53
▪ Lawatan ke Pejabat Pengerusi Malaysia-Thailand Business Council (MTBC)	54
▪ Mesyuarat ASEAN KICK OFF	55

MOBILITI DAN ANTARABANGSA

▪ Outbound mobility program: The 3 rd UNUSA Brave- Making SDGS a Reality	57
▪ Social Enterprise for Economic Development: Mini SEED Thailand 2023	60
▪ Program pertukaran pelajar antara Fatoni University (FTU), Thailand dan UMK	62
▪ Majlis Penutup Program Mobiliti antara FTU dan UMK	63
▪ Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Letter of Intent (LoI) di antara UMK dengan rakan strategik antarabangsa	64
▪ Mesyuarat Pengarah Pusat Antarabangsa Universiti Awam kali ke-29	65
▪ UMK-SKRU Cultural Exchange Mobility Program 2023	65
▪ Mesyuarat di antara UMK dan Universitas Chaputra Surabaya, Indonesia	66
▪ Kunjungan hormat Universitas Negeri Padang ke UMK	66
▪ 25 th Prince of Songkla Education Fair 2023	67
▪ Perbincangan bersama Education Malaysia Jordan: Pengambilan Pelajar Timur Tengah	67
▪ Sesi perbincangan Bersama Kaunselor Fiji	68
▪ Lawatan oleh Prince of Songkla Universty, Pattani Campus Thailand ke UMK	68
▪ Sesi libat urus Bahagian Education Malaysia (BEM) Bersama UMK	68
▪ Summer Camps RENPER 2023	69
▪ Perbincangan bersama HK Haibin Education Group Limited	69
▪ Perbincangan bersama ejen perekrutan pelajar antarabangsa: Gtex Asia Sdn. Bhd	70
▪ Perbincangan bersama ejen perekrutan pelajar antarabangsa: Reruai Asia Events	70
▪ Perbincangan bersama ejen perekrutan pelajar antarabangsa: HK Gaosheng	70
▪ Kunjungan Australian Higher Education Institutions ke UMK	71
▪ Sesi taklimat Etiqa Family Takaful berhad	71
▪ Metamorphosis Buddies Jamboree 2023	72
▪ Staff mobility and training	73
▪ Leading for impact: Transformational leadership skills for public service held in Manila, Philippines	74

KEUSAHAWANAN	75
▪ The 11 th International Conference on Entrepreneurship, Business and Technology 2023 (INCEBT 2023)	76
▪ Bengkel Whatsapp untuk Bisnes (Asas)	78
▪ Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2023	79
▪ Program Keusahawanan: University to Community 2.0	79
▪ Bengkel Mobilegraphy- Teknik Fotografi Smartphone	80
▪ Bengkel Google My Business (Asas)	81

PELAJAR

▪ Kursus PENJANA KPT-PACE Melibatkan kursus usahawan dron pertanian dan Kursus Profesional Certificates in Agricultural Sustainability and Good Governance	82
▪ Kursus PENJANA KPT-PACE Melibatkan kursus usahawan dron pertanian dan Kursus Profesional Certificates in Agricultural Sustainability and Good Governance	83
▪ Majlis penganugerahan dan perasmian penutup Program PENJANA KPT-PACE Persijilan Profesional Microsoft Power BI Data Analyst	84
▪ Bootcamp 3u1i (Fly High The Apprentice 3u3i 2023)	85
▪ Program Doctorate Support Group (Siri 1)	86
▪ Program Doctorate Support Group (Siri 2)	87

AKTIVITI

▪ Empowering Women in Tech: Breaking Barriers, Building Success, Jakarta, Indonesia	88
▪ International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023	89
▪ Penyertaan ahli jabatan dalam pertandingan Carnival on Research and Innovation (CRI 2023)	90
▪ Penyertaan ahli jabatan dalam IUCEL	91
▪ Pameran Lukisan Terukur 2023: Bangunan Dato' Kaya Budi, Tumpat, Kelantan	91
▪ Program penilaian dan pameran kursus rekabentuk perabot semester Februari 2022/2023 Program SGD	92
▪ Program Internal and External Assessment Day (INEX Day) dan penilaian Program SULAM Semester	93
▪ Program SULAM bagi Kurus Studio Rekabentuk Senibina Dalam VI bersama pihak Sudara Beach Resort dan Seksyen Pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan, Bahagian Pengurusan Tanah	94
▪ Majlis Makan Malam Perhimpunan Interia Sesi Februari 2022/2023	95
▪ Microsoft Certified: Power BI Data Analyst	96
▪ Taklimat Bersama UMK-AsCent sempena Program Semarak Siswa Madani	97
▪ Live bersama UMK AsCent sempena Program UMK@School: Road2UMK	98
▪ Sukan memamah kegemaran Rasulullah SAW	99
▪ Gotong-royong EKSA Zon Dewan Tuanku Canselor	100
▪ Audir Dalam EKS Siri 1 Zon DTC	101
▪ Gerak kerja governan Pembangunan kepimpinan akademik UMK ke USM	102
▪ Majlis penutup Program Mobiliti Assyarqiyah Univeristy Oman	103
▪ FPV Research Symposium: Advancement in Veterinary and Animal Sciences	104
▪ Kursus Teknologi Agromakanan Tanaman Jangka Pendek Siri 1	105
▪ Program 4 th Asia Pacific Regional Conference on Food Security (ARCOFS 2023)	106
▪ Pelajar FSDK Berjaya memperoleh Sijil Pengiktirafan Microsoft Azure AI Fundamentals	107
▪ Webinar Biz Talk: Are we ready? Post Pandemic Era	107

PENGHARGAAN	108
--------------------	-----

Kata Alu-Aluan

Assalamualaikum wbt

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT.

Alhamdulillah, saya lafazkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke hadarat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan dengan keizinanNya maka buletin rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, WACANA edisi ketiga telah berjaya dihasilkan.

WACANA Edisi ketiga ini memberikan gambaran komprehensif tentang berbagai kegiatan dan prestasi yang telah kita capai pada sukuan ketiga iaitu bermula Julai sehingga September 2023. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diberikan kepada sidang pengarang kerana berjaya menerbitkan WACANA yang dijadualkan secara berkala pada setiap suku tahunan.

Selain itu, penghargaan dan ucapan terima kasih turut diberikan kepada semua Pusat/ Fakulti/ Jabatan di atas kerjasama padu di dalam memberikan maklumat bagi memastikan penyediaan WACANA dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Saya berharap penerbitan WACANA akan memberi manfaat kepada semua pihak yang ingin mengenali dan mengetahui dengan lebih terperinci mengenai peranan dan aktiviti Pejabat TNCAA. Marilah kita berdoa ke hadrat Ilahi agar terus diberikan kekuatan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.



PROF. DATO' DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum wbt

Alhamdulillah dengan limpah kurniaan dari-Nya, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP) telah berjaya menerbitkan buletin rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, WACANA edisi ketiga bagi bulan Julai sehingga September 2023.

WACANA telah memasuki edisi ketiga ini telah memasuki edisi ketiga bagi melaporkan pencapaian dan aktiviti di bawah portfolio akademik dan antarabangsa bagi sukuan ketiga bermula Julai sehingga September 2023.

Sidang editorial WACANA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pusat/ Fakulti/ Jabatan di atas kerjasama padu dalam memberikan maklumat bagi memastikan WACANA dapat diterbitkan dengan jayanya.

Harapan kami supaya WACANA akan menjadi wadah perkongsian antara semua PTj akademik di bawah portfolio TNC (A&A) untuk terus bekerjasama memartabatkan kecemerlangan akademik dan antarabangsa UMK.

Selamat membaca.



MOHD BADRUL HISYAM BIN MUHAMAD ALIAS
Timbalan Pendaftar
Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan
Antarabangsa)



UTAMA

UMK BANTU BANGUNKAN SOSIOEKONOMI ORANG ASLI

SMK Panggung Jaya, Gua Musang, 11 September 2023 – Program Outreach Bersasar 2023 yang telah dijalankan bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Panggung Jaya, Gua Musang merupakan program kerjasama antara BKPA, KPT dan UMK. Program ini bertujuan mendekati masyarakat dan pelajar orang Asli di daerah Gua Musang dan Lojing. Program ini berhasrat untuk menyebarkan maklumat terkini berkaitan peluang pendidikan tinggi dan latihan yang disediakan oleh Universiti Awam, Jabatan Pendidikan Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Program kali ini memilih SMK Panggung Jaya yang terletak di Kampung Panggung Lalat, Gua Musang selaras dengan status sebagai sekolah pertama untuk anak orang Asli di Kelantan. SMK Panggung Jaya telah mula beroperasi pada tahun 2020 mampu memuatkan sehingga 700 orang pelajar dengan kemudahan asrama kepada 400 orang pelajar. Kos pembinaan sekolah tersebut telah menelan belanja sehingga RM 50 juta telah menyelesaikan masalah penempatan pelajar di kawasan pendalaman Gua Musang dan membantu mengurangkan peratusan pelajar kaum orang Asli tercicir dalam pelajaran.



Penganjuran Program Outreach ini adalah selaras dengan hasrat aspirasi MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri YB Anwar iaitu menggalakkan masyarakat luar bandar memperoleh ilmu dalam menghadapi perubahan serta mendapatkan kemahiran dan latihan yang diperlukan untuk masa hadapan. Pihak Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited dalam usaha memperluaskan jaringan peluang pendidikan tinggi kepada semua lapisan masyarakat dalam usaha membantu keluarga meningkatkan pendapatan.

Program Outreach Bersasar 2023 yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad telah berjaya mencatatkan kehadiran hampir 800 pengunjung dengan penyertaan hampir 780 pelajar daripada 10 buah sekolah sekitar Gua Musang dan 60 Guru Pengiring dan Guru Kaunseling. Majlis Perasmian Program Outreach Bersasar 2023 ini turut dihadiri oleh Pemangku Pengarah BKPA, Ts. Mohd Adiel Azhar bin Harun, Wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pegawai Pendidikan Daerah Gua Musang dan Pengetua SMK Panggung Jaya. Program ini turut melibatkan aktiviti Pameran daripada beberapa UA dan agensi seperti UUM, UMT, UNISZA, USM, UITM , UMK , PTPTN, Kolej Komuniti dan Politeknik.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Maheran berkata, "UMK akan menjadikan SMK Panggung Jaya sebagai sekolah angkat UMK dengan hasrat membantu lebih ramai pelajar sekolah ini terutamanya pelajar kaum orang Asli dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Selain itu, UMK juga akan membantu pihak sekolah dapat meningkatkan kemahiran berbahasa inggeris para pelajar sebagai persediaan mereka melanjutkan pelajaran di menara gading."

Sebagai makluman, untuk sesi kemasukan pada 2022/2023, UMK telah menerima seramai 6 orang pelajar orang Asli yang berasal dari negeri Pahang, Selangor, Kedah dan Perak. Pada tahun ini, bagi sesi kemasukan Oktober 2023/2024, UMK dijangka menerima lebih 10 pelajar kaum Orang Asli.

Ts. Mohd Adiel Azhar bin Harun, pemangku Pengarah BKPA JPT, dalam ucapannya semasa program Outreach Bersasar 2023 orang Asli di SMK Panggung Jaya, Gua Musang, Kelantan memaklumkan bahawa, berdasarkan statistik permohonan yang diterima oleh Bahagian tersebut melalui UPUOnline, jumlah keseluruhan calon dari negeri Kelantan pada Sesi Akademik 2023/2024 adalah sebanyak 29,003 calon dan 1,010 daripadanya adalah dari kawasan Gua Musang.



Selain itu beliau turut berkata, dalam konteks laluan khas kemasukan ke IPTA dan ILKA yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kepada kumpulan orang Asli, seramai 289 daripada 532 calon (54%) orang Asli lepasan SPM telah ditawarkan tempat. manakala, tawaran perdana bagi calon Orang Asli lepasan STPM/setaraf adalah seramai 100 daripada 119 calon (95%). Bilangan ini dijangka meningkat apabila tawaran rayuan dihebahkan pada minggu ke-3 oktober 2023.

Beliau turut berkongsi berkenaan kejayaan saudari Mazwin Faulin Mohd Azlin yang merupakan pelajar terbaik orang Asli STPM 2022 yang telah ditawarkan ke program pengajian Sarjana Muda Sains Pengurusan Pelancongan di UiTM melalui UPUOnline pada 7 September 2023 yang lalu. Beliau berharap agar kejayaan ini menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar orang Asli lain untuk terus berusaha untuk melanjutkan pengajian di menara gading.

Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) , Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab dalam menyelaraskan permohonan kemasukan ke Program Ijazah Pertama, Asasi, Diploma dan Sijil bagi Pelajar Lepas STPM/ Setaraf dan SPM/ Setaraf ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Sebagai makluman, para pelajar Lepas STPM dan Setaraf boleh membuat semakan keputusan UPU menerusi aplikasi UPUPOCKET bermula pada 7 September 2023 dan tempoh setuju terima adalah pada 8 hingga 16 September 2023.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PROGRAM

OUTREACH

BERSASAR

LALUAN KHAS
(B40/ ORANG ASLI)

11 SEPTEMBER 2023
(9.00 pagi - 2.00 petang)

AKTIVITI MENARIK :

- ✓ TAKLIMAT KEMASUKAN OLEH BKPA, JPT
- ✓ TAKLIMAT PROGRAM PENGAJIAN OLEH UMK
- ✓ BOOTH PAMERAN & SESI KONSULTASI OLEH IPTA & IPTS
- ✓ PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA OLEH PUSAT KESIHATAN UMK
- ✓ KLINIK VETERINAR BERGERAK (PEMERIKSAAN PERCUMA)

SMK PANGGUNG JAYA,
GUA MUSANG

JOK CIP MA
PAMERAN
PENDIDIKAN



Dengan Kerjasama :

JPT

JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI



9

ENTREPRENEURSHIP IS OUR



OfficialUMK





SELAMAT DATANG KE SMK PANGGUNG JAYA





AKADEMIK

PERASMIAN HOSPITAL PENGAJAR PERUBATAN VETERINAR UMK

FPV

Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan berbesar hati menerima kunjungan daripada YB Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi ke Hospital Pengajar Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan pada 26 Julai 2023.

Kunjungan tersebut bersempena lawatan rasmi beliau ke Universiti Malaysia Kelantan. YB Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang diiringi oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMK, YBhg. Dato' Dr. Hassan Basri Bin Awang Mat Dahan dan juga Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak sempat merasmikan dengan menandatangani plaque dan acara memotong riben sebagai simbolik perasmian HPVUMK.

Selain itu, beliau juga meninjau keadaan infrastruktur hospital bagi pengoperasian HPVUMK. Detik ini amat bermakna bagi HPVUMK kerana HPVUMK merupakan Hospital Pengajar Perubatan Veterinar kedua yang ditubuhkan di Malaysia dan juga terbesar di Pantai Timur. Hal ini sesungguhnya dapat menjadi batu loncatan yang amat besar bagi HPVUMK dalam merealisasikan harapan untuk terus maju pada masa akan datang.



KARNIVAL PENDIDIKAN KERJAYA PROGRAM MATRIKULASI 2023/2024 ANJURAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pusat Pengurusan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) merupakan PTj yang menyelaras aktiviti-aktiviti promosi akademik Prasiswazah bagi lepasan SPM dan STPM/ Setaraf bagi Karnival Pendidikan Kerjaya Program Matrikulasi 2023/2024 Anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Aktiviti promosi akademik ini berlangsung dari bulan Oktober hingga September 2023 yang dianjurkan oleh KPM yang membantu pelajar lepasan matrikulasi dan STPM/Setaraf untuk menyambung pengajian ke pendidikan tinggi.

UMK juga tidak berkecuali dalam aktiviti ini dan ia merupakan salah satu aktiviti khidmat masyarakat serta medium untuk mewart-warkan kepada kumpulan sasar berkenaan program pengajian akademik yang terdapat di UMK sebagai Universiti Awam yang berteraskan keusahawanan.

Aktiviti promosi akademik ini telah berlangsung di 6 lokasi pada tahun 2023 dan 3 lokasi pada tahun 2024 yang akan datang di seluruh negeri. Aktiviti promosi akademik telah melibatkan Duta Akademik (Kelab Sigma), staf pentadbiran dan akademik yang turun ke lokasi-lokasi yang terlibat dalam bersama-sama memberi maklumat serta penerangan kepada kumpulan sasar berkenaan program akademik yang terdapat di UMK.





**KOLEJ
MATRIKULASI
PERAK**



**KOLEJ MATRIKULASI
KELANTAN**







BENGGEL PENETAPAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HYFLEX (KURIKULUM TERBUKA)

Bengkel Penetapan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Hyflex (Kurikulum Terbuka) telah diadakan pada 18 September 2023 di Bilik Seminar 1. Kompleks Akademik UMK yang turut dihadiri oleh Timbalan Dekan (Akademik) dan Penyelaras Program dari semua Fakulti.

Pengisian dalam bengkel adalah semua penyelaras kursus Fakulti perlu menyiapkan satu template struktur kurikulum bagi pelaksanaan pembelajaran secara hyflex (kurikulum terbuka) untuk program masing-masing. Struktur terbaru ini akan dimuat naik dalam capsule untuk rujukan pelajar dan pensyarah.



PENTAKSIRAN AKHIR SEMESTER FEBRUARI SESI 2022/2023 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bachok, 5 Julai 2023 – Semua Pelajar Universiti Malaysia Kelantan telah menduduki Pentaksiran Akhir bagi semester Februari sesi 2022/2023 bermula pada 9 Julai sehingga 27 Julai 2023. Kesemua pelajar di ketiga-tiga kampus UMK menduduki Pentaksiran akhir yang diselaraskan oleh Pusat Pengurusan Akademik bersama pihak fakulti masing-masing mengikut lokasi yang telah ditetapkan.

Pentaksiran akhir Semester Februari Sesi 2022/2023 melibatkan 261 kursus dengan 239 kursus dijalankan secara fizikal dan 22 secara dalam talian. Pentaksiran akhir ini dijalankan serentak di semua fakulti.





BENGGEL PENYEDIAAN SOALAN APEL A

Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE) menganjurkan Bengkel Penyediaan Soalan Apel A melibatkan penyertaan pensyarah dan kakitangan daripada fakulti berkenaan dan UMKCEE sendiri. Bengkel dianjurkan bagi memberi pendedahan mengenai Tatacara Penyediaan Soalan Bagi Memenuhi Syarat Mendapatkan Lesen dan Proses Permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL (Borang APEL-01) dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Hasil daripada bengkel ini, peserta mendapat pencerahan yang jelas mengenai Tatacara Penyediaan Soalan Bagi Memenuhi Syarat Mendapatkan Lesen dan Proses Permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL (Borang APEL-01) dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.



PEMANTAPAN BUKU PERATURAN AKADEMIK BAGI PELAJAR SEPARUH MASA UMK SELIAAN UMKCEE

UMKCEE

Kuala Terengganu, 19 September – Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE) telah menganjurkan Bengkel Semakan Buku Peraturan Akademik dan Penyediaan Garis Panduan Pembayaran Royalti bertempat di Raia Hotel dan Convention , Gong Badak, Kuala Terengganu.

Bengkel tersebut yang diadakan selama 3 hari bermula 19 hingga 21 September 2023 dengan penglibatan daripada wakil-wakil FKP, FHPK, FBI, CCI, Bendahari , Wakil Senat Profesor dan Pej. TNCAA. Wakil Pej. TNCAA yang menyertai bengkel tersebut adalah Pengarah PPA dan PKPA, Pegawai PPA dan BSP.

Urus setia bengkel iaitu UMKCEE yang diketuai oleh Pengarah UMKCEE, Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Ashlyzan Bin Razik dan dibantu oleh Timbalan Pengarah UMKCEE dan Penolong Penolong Pendaftar Kanan. Bengkel Semakan Buku Peraturan Akademik Dan Penyediaan Garis Panduan Pembayaran Royalti Fakulti ini bertujuan menyemak kandungan bagi peraturan-peraturan akademik berkaitan pelajar separuh masa yang diselia oleh UMKCEE. Selain itu, bengkel ini juga bermatlamat menyediakan draf awal garis panduan pembayaran royalti kepada pihak fakulti yang terlibat dalam penawaran program pengajian kepada pelajar separuh masa di UMK.





“Semakan buku peraturan akademik pelajar separuh masa ini amat penting dalam usaha memastikan tadbir urus pengurusan pelajar separuh masa di UMK seliaan UMKCEE sentiasa relevan dan menepati ketetapan yang telah dan sedang berkuatkuasa dibawah peraturan akademik dibawah bidang kuasa PPA.” kata Pengarah PPA, Prof. Madya Ts. Dr. Anuar Bin Mohd Yusof.

Antara semakan buku peraturan akademik yang melibatkan peranan pihak PPA adalah penjadualan, pendaftaran pelajar, pentaksiran akhir dan juga pendekatan PdP.

Sasaran awal pihak UMKCEE adalah untuk mengeluarkan Buku Peraturan Akademik Pelajar Separuh Masa edisi semakan ini pada penghujung tahun 2023 setelah mendapat kelulusan di peringkat Senat UMK. Bengkel berikutnya berkaitan pemurniaan buku peraturan akademik dan garis panduan pembayaran royalti ini dijangka diadakan pada bulan Oktober dengan penglibatan daripada Dekan-dekan Fakulti dan Wakil Senat Profesor.





MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH INEX

Majlis Penyampaian Anugerah INEX merupakan satu program untuk meraikan pelajar cemerlang senibina landskap yang berlangsung pada 27 Julai 2023 di UMK Bachok. Program ini melibatkan panel luar dan panel dalaman jabatan.

Program ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada pelajar dan sebagai pemangkin kepada pelajar lain untuk terus berusaha dalam pelajaran.



ANUGERAH "BEST TOURISM & HOSPITALITY EDUCATION PROGRAM" DI WORLD ISLAMIC TOURISM AWARD 2023

Fakulti Hospitaliti Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) UMK telah menerima Anugerah "Best Tourism & Hospitality Education Program" di World Islamic Tourism Award 2023 yang berlangsung di Sunway Resort Hotel.



BEST TOURISM & HOSPITALITY EDUCATION PROGRAM
FAKULTI HOSPITALITY
UNIVERSITY MALAYSIA KELANTAN
PELANCONGAN & KESEJAHTERAAN





HARI PENDAFTARAN DAN PROGRAM INDUKSI PELAJAR BAHARU PRA-IJAZAH SAINS BAGI SEMESTER INTENSIF SEPTEMBER 2023

Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent) telah menawarkan Program Pra-Ijazah Sains Semester Intensif September 2023 dengan pendaftaran pelajar baharu seramai 52 orang pada 25 September 2023 di UMK Kampus Jeli. Sepanjang program induksi yang telah berlangsung pada 26 dan 27 September 2023, pelajar telah diberi pendedahan terhadap universiti melalui perkongsian oleh wakil Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (Puan Siti Asma' binti Mohd Rozid), Bahagian Keselamatan (Encik Mahadzir bin Mohamed), Bahagian Pengurusan Kolej Kediaman (Dr. Noor Hafizoh binti Saidan), Pusat Komputeran dan Informatik (Ts. Ehsan Shazali bin Rashim) dan Pusat Kesihatan Universiti (Dr. Mohamad Syahiedzat bin Mohd Nordin). Di samping itu, pelajar baharu juga dijalinan perhubungan antara satu sama lain melalui aktiviti pelajar yang difasilitasi oleh 13 orang pelajar Program Asasi Sains. Program ini adalah amat penting untuk memberi pendedahan tentang sistem pembelajaran dan pengajaran Pra-Ijazah Sains UMK.



HARI PENDAFTARAN DAN PROGRAM INDUKSI PELAJAR BAHARU PROGRAM ASASI UMK SESI 2023/2024

Jabatan Persediaan Sains UMK telah dinaik taraf sebagai Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent) yang kini menawarkan tiga program akademik, iaitu Program Pra-Ijazah Sains UMK, Program Asasi Sains UMK dan Program Asasi Teknologi Maklumat Huffaz. Bagi Sesi 2023/2024, seramai 370 orang pelajar baharu iaitu 350 orang daripada Program Asasi Sains UMK dan 20 orang pelajar daripada Program Asasi Teknologi Maklumat Huffaz telah mendaftar di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli. Program Induksi telah berlangsung dengan jayanya pada 2 dan 3 Ogos 2023, di mana pelajar baharu diberi pendedahan tentang pengajian di universiti dan persekitaran di Kampus Jeli.

Selain daripada itu, para pelajar juga berpeluang mendengar taklimat daripada lima buah fakulti iaitu FSB, FIAT, FBKT, FSE dan FPV berkenaan laluan akademik dan program yang ditawarkan di UMK selepas mereka tamat pengajian nanti. Pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA UMK) yang diwakili oleh Dr. Noormariana Bt Mohd Din juga sempat meluangkan masa bersama-sama pelajar baharu asasi UMK kali ini untuk berkongsi peranan dan fungsi HEPA UMK. Semoga program induksi ini dapat memberi dorongan dan motivasi untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar dalam akademik.





PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

INTERNATIONAL TEACHING ENHANCEMENT & LEARNING INNOVATION CARNIVAL (ITeLIC) 2023

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah menganjurkan International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023 pada 5 hingga 6 Julai secara dalam talian yang bertemakan Mosaic of Hyflex Teaching and Learning pada 5 dan 6 Julai 2023 (Rabu & Khamis) secara dalam talian.

Majlis Perasmian Penutup International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Program ini telah disertai oleh sebanyak 108 penyertaan yang terdiri daripada pelbagai institusi dari seluruh Malaysia meliputi IPTA, IPTS, Politeknik dan sekolah dengan pelbagai projek inovatif pembelajaran menerusi enam (6) kategori yang dipertandingkan.



Kategori yang telah dipertandingkan dalam iTeLIC 2023 adalah sebagaimana berikut:

- Hyflex Learning
- Asynch & Synch Online Learning
- MOOC & Micro-Credentials
- LMS/eCampus Innovation
- eAssessments
- Innovative T&L: New Ideas

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) merupakan fakulti yang paling tinggi penyertaan di dalam iTeLIC bagi tahun 2023 dengan jumlah projek sebanyak 16 projek secara keseluruhan. FBI telah merangkul sebanyak 6 pingat emas, 7 pingat perak dan 3 pingat gangsa.

Selain itu, bersempena program iTeLIC 2023, turut diadakan dua (2) sesi ucap tuma bertajuk “Re-engineering Hyflex Learning Environments For Higher Education” yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Helmi Norman, Timbalan Pengarah (Teknologi Pengajaran), Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM). Manakala, sesi ucap tuma kedua bertajuk “Co-creating a Blended Learning Environment with LinkedIn Learning” telah disampaikan oleh Mr. Adrian Cheong, Pakar Pembelajaran dan Penglibatan Sektor Awam dan Pendidikan, LinkedIn.

KEYNOTE SPEAKER
ASSOC. PROF. TS. DR. MUHAMMAD HELMI NORMAN
Dep. Director of Instructional Technologies
Centre of Teaching and Curriculum Development,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Re-engineering Hyflex Learning Environments For Higher Education
July 6, 2023
10:30 am - 11:30 pm (Malaysia Time)
Moderator: Mr. Mohd Bin Mahmud

KEYNOTE SPEAKER
ADRIAN CHEONG
Learning & Engagement Specialist,
Public Sector & Education
LinkedIn Learning, Singapore
Co-creating a Blended Learning Environment with LinkedIn Learning
July 6, 2023,
11:30 am - 12:00 pm (Malaysia Time)
Moderator: Mr. Mohd Bin Mahmud

05 JULY WEDNESDAY
9.30AM - 1.00PM
Virtual Judging Session
via e-Booth on iTeLIC 2023 Website

06 JULY THURSDAY
9.00M - 9.50AM
Registration of Participants
via Zoom Platform

10.15AM - 10.30AM
Welcoming Remark
Assoc. Prof. Dr. Mohamad Najmi bin Masri
Director
Center for Academic Excellence and Development (CAED)
Universiti Malaysia Kelantan

Opening Speech
Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad
Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
Universiti Malaysia Kelantan

10.30AM - 11.30AM
Keynote Speaker
Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhammad Helmi Norman
Deputy Director of Instructional Technologies for
the Center of Teaching and Curriculum Development
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Title: Re-engineering Hyflex Learning Environments For Higher Education

11.30AM - 12.00PM
Keynote Speaker
Mr. Adrian Cheong
Learning & Engagement Specialist
Public Sector & Education
Title: Co-creating a blended learning environment with LinkedIn Learning

1.00PM - 2.30PM
Break and Lunch

2.30PM - 3.00PM
Announcement of Awards and Closing Remark

"Congratulations"

TO ALL PARTICIPANTS, WINNERS
& BEST AWARDS' RECIPIENTS







5th - 6th JULY 2023

Center for Academic Excellence and Development (CAED),
Office of the Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)



FAKULTI	GOLD	SILVER	BRONZE	TOTAL
FBI	6	7	3	16
FBKT	3	3	2	8
FHPK	2	2	1	5
FHPK & FKP	0	1	0	1
FIAT	1	0	0	1
FKP	3	5	4	12
FPV	3	2	0	5
FSB	3	6	4	13
FSDK	0	1	3	4
FSE	1	2	2	5
FTKW	4	2	2	8
PPQ	0	2	0	2
AIBIG	0	0	1	1
TOTAL	26	33	22	81



PENYERTAAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KE INTERNATIONAL UNIVERSITY CARNIVAL ON E-LEARNING (IUCEL 2023)

International University Carnival on E-Learning (IUCEL) adalah acara tahunan anjuran bersama Majlis E-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan kerjasama daripada Universiti Awam (UA) selaku tuan rumah mengikut giliran.

IUCEL kekal menjadi satu platform utama dalam mempromosikan aplikasi e-pembelajaran secara global oleh pelbagai institusi pengajian tempatan dan antarabangsa, di samping meneroka inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dipraktikkan secara berterusan oleh para pelajar, sarjana, pendidik, penyelidik, inovator dan industri berkaitan.

Tahun ini, IUCEL 2023 diadakan secara fizikal di bawah anjuran Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bertemakan "Empowering Society Through Education 5.0" pada 25 hingga 26 September 2022 2023 di Kuantan, Pahang.





CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE AND DEVELOPMENT (CAED)
THE OFFICE OF THE DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)



Tahniah



MOHD YUSRI MOHD NASER
FTKW



DR. MUHAMMAD ZULFARIS
MOHD SALLEH
FKP



DR. SHAH ISKANDAR FAHMIE
BIN RAMLEE
FKP



DR. NIK RAIHAN
NIK YUSOFF
FSB



LENA A/P RAMAMURTHY
FBI



DR. AHMAD ZAKI
BIN AMIRUDDIN
FBI



DR. ASANAH RADHI
FBKT

Karnival inovasi antarabangsa ini menyediakan tiga (3) kategori utama sebagai gelanggang para inovator penyelidik mempertandingkan reka bentuk dan praktis produk inovasi PdP mereka iaitu; IIDEL, e-Teacher, dan STEAM@School. Projek Inovasi P&P UMK yang telah disertai bagi kategori Invention, Innovation & Design on e-Learning (IIDEL) telah meraih kejayaan cemerlang dengan pencapaian sebanyak tujuh (7) PINGAT EMAS, sembilan (9) PINGAT PERAK dan sembilan (9) PINGAT GANGSA pada karnival tersebut menerusi projek-projek inovasi pengajaran dan pembelajaran daripada beberapa fakulti atau pusat tanggungjawab terlibat.

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dengan penyertaan IUCEL 2023 ini. Semoga UMK akan mencipta lebih banyak kejayaan pada IUCEL 2024 akan datang.



CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE AND DEVELOPMENT (CAED)
THE OFFICE OF THE DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)



Tahniah



PROF. MADYA DR. NOORUL AZWIN
MD NASIR
FKP



PROF. MADYA DR. NOOR AZLINA IBRAHIM
FBKT



MURSHIDAH MOHD ASRI
FPV



DR. GOH SOON HENG
FPV



DR. RUHIL HAYATI HAMDAN
FPV



AHMAD FAEZI AB. RASHID
FHPK



DR. FAKHITAH RIDZUAN
FSDK



NUR HAFEZAH HUSSEIN
PKPA



MOHAMMAD SYUKRAN
BIN KAMAL RUZZAMAN
FTKW



CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE AND DEVELOPMENT (CAED)
THE OFFICE OF THE DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)



Tahniah



NURUL AZWA BINTI MOHAMED KHADRI
FKP



DR. HANA YAZMEEN BINTI HAPIZ
FTKW



DR. ROZIDAINI MOHD GHAZI
FSB



DR. ASANAH RADHI
FBKT



NOOR SYAMIMIE MOHD NAWI
FBI



SHAHIDATUL MASLI
BINTI MAT SO'OD
FBI



R FARIHIN BINTI
ABD HADI KHAN
FHPK



DR. NOR DIYANA
BT MUSTAPA
PPQ



DR. NIK NUR AZWANIDA
ZAKARIA
PPQ

BENGGEL PEMURNIAN DAN PRA PELAKSANAAN STRUKTUR KURIKULUM FLEKSIBEL & HYFLEX

Bengkel Pemurnian dan Pra Pelaksanaan Struktur Kurikulum Fleksibel & Hyflex telah dianjurkan pada 20 Ogos 2023 bagi mengukuhkan pengetahuan berkenaan proses, prosedur serta tatacara yang baik dalam pembangunan struktur kurikulum Hibrid & Fleksibel (Hyflex) kepada semua pihak yang terlibat termasuk pihak fakulti (FBI, FHPK, FKP) serta Pusat Pengurusan Akademik (PPA), Pusat Pengurusan Kualiti (PPQ), Pusat Komputeran dan Informatik (CCI), dan Pejabat Bendahari.

Bengkel ini merupakan bengkel susulan setelah Bengkel Pembangunan Struktur Kurikulum Fleksibel & Hyflex telah diadakan bersama YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang telah diadakan pada 11 Jun 2023.



BENGGEL “TRANSFORMATION CURRICULUM DESIGN IN EXPERIENTIAL LEARNING WORKSHOP: PERSONALISED EXPERIENTIAL LEARNING (POISE)”

PKPA



Dewasa ini, kebolehpasaran graduan dan pengangguran menjadi perkara yang berkait dengan kesediaan pengetahuan dan kemahiran yang seiring dengan kursus yang ditawarkan di universiti. Menyedari hakikat ini, maka Universiti Malaysia Kelantan fleksibel dan terbuka untuk menyediakan pelajar yang holistik melalui inovasi kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran.

Program akademik yang diadakan perlu menjadi lebih cair dan organik untuk memastikan bahawa pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai afektif dapat diserap oleh para graduat. Salah satu pelan tindakan bagi Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL) telah dibangunkan dan dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia pada Oktober 2021.

Sasaran program ini adalah untuk meningkatkan program akademik dalam memantapkan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dengan melahirkan graduan holistik dan berkemahiran tinggi.

EXCEL adalah satu kerangka tranformasi program akademik yang menggabungkan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (personalised) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran yang diperoleh dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

Beberapa siri bengkel berkaitan pelaksanaan Experiential Learning and Competecy based Education Landscap (EXCEL) merangkumi IDEAL, REAL, CARE dan POISE dirangka untuk memastikan UMK sentiasa kompetitif dalam area akademik di Malaysia khususnya dan antarabangsa amnya. Bengkel POISE yang telah diadakan pada 3 September 2023 secara bersemuka telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Ir. Dr. Rozita Yusoff, Pengarah, Pusat Perancangan Strategik Akademik, Universiti Malaya (UM) di Bilik Tutorial 1 (KA01T), Kompleks Akademik, UMK Bachok. Peserta program ini adalah seramai 35 orang terdiri daripada staf akademik, wakil dari setiap fakulti.



Workshop on
Experiential Learning And
Competency Based Landscape
EXCEL:POISE



3th September, 2023
(Sunday)



9.00 am -
4.30 pm



Bilik Tutorial 1, (KA01T),
Kompleks Akademik, UMK Bachok.

Speaker:

YBhg. Prof. Ir. Dr. Rozita Yusoff
Director,
Academic Strategic Planning Centre
(ASP Centre)
Universiti Malaysia Kelantan

35



CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE
AND DEVELOPMENT (CAED)
THE OFFICE OF
THE DEPUTY VICE-CHANCELLOR
(ACADEMIC AND INTERNATIONAL)





KURSUS ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN 2023

Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran 2023 (KAPP) merupakan kursus wajib kepada staf akademik untuk tujuan pengesahan jawatan juga pengukuhan latihan untuk staf akademik baharu dengan mendedahkan kepada pensyarah baharu tentang amalan/skop PdP yang dilaksanakan di Universiti Awam sesuai dengan reka bentuk Pendidikan Tinggi di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Kursus ini akan diadakan sekali setahun bagi memenuhi latihan asas kepada pensyarah baharu dan sedia ada (tetap/kontrak). Kursus ini juga merupakan salah satu kursus wajib yang perlu dihadiri oleh staf akademik bagi pengesahan jawatan dalam perkhidmatan. Bagi tahun 2023, KAPP akan dijalankan secara fizikal dan bersemuka mengikut modul yang digunakan adalah berteraskan Micro-credential (MC). Selain itu, kursus ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf akademik dalam pelbagai aspek yang berkaitan dalam pedagogi abad ke-21 serta mencakupi perubahan terkini dalam struktur pembangunan kurikulum semasa serta inisiatif KPT. Seramai 28 orang staf akademik UMK telah menghadiri Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran 2023 yang telah dianjurkan pada 4 hingga 13 September 2023 di UMK.



BENKEL PENYEDIAAN DOKUMEN CODE OF PRACTICE FOR PROGRAMME ACCREDITATION: OPEN AND DISTANCE LEARNING (COPPA:ODL)

PKPA

Revolusi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka kepada e-pembelajaran telah berlaku secara drastik selepas pandemik lantas menjentik tujahan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh secara tidak langsung. Berdasarkan Pekeliling MQA Bil.11/2019, seluruh institusi Pengajian Tinggi telah diarahkan memakai Kod Amalan Akreditasi Program: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning, COPPA-ODL).

Bagi memastikan kandungan dokumen adalah komprehensif dan selaras dengan perkembangan pendidikan tinggi yang dinamik, MQA telah melaksanakan kajian semula terhadap dokumen COP-ODL. Berteraskan penajaran dengan perkembangan ODL semasa dan input daripada pihak berkepentingan, MQA telah membuat penambahbaikan terhadap dokumen COP-ODL dan menghasilkan versi terkini iaitu COPPA-ODL.

Sehubungan itu, sebagai langkah susulan kepada Bengkel COPPA:ODL yang telah berjaya dilaksanakan pada 3 Julai 2022 lalu, PKPA turut menganjurkan Bengkel Penyediaan Dokumen COPPA-ODL bagi memastikan UMK bergerak pantas dengan hasrat KPT dan MQA.

Bengkel ini bertujuan memberi pengetahuan kepada PTj terlibat mengenai elemen penyediaan Dokumen COPPA-ODL terutamanya dalam Seksyen 2: Kriteria dan Standard Akreditasi' yang mengalami perubahan terbesar COP-ODL. Selain itu juga, menerusi penganjuran bengkel ini diharapkan dapat menyebarkan kepentingan penawaran Struktur Kurikulum Fleksibel & Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) memandangkan ia tidak terikat dengan kaedah konvensional.

Bengkel ini juga adalah sebagai persediaan kepada pembangun program bagi pelaksanaan Struktur Kurikulum Fleksibel & Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL). Penyertaan bengkel ini adalah seramai 37 orang pada 10 September 2023, melibatkan Timbalan Dekan (Akademik), Ketua Jabatan dan Ketua Program dari setiap fakulti dan MGSEB, wakil PPQ, dan warga Bahagian Pembangunan Kurikulum Akademik dan Penilaian & Pentaksiran, PKPA.



Bengkel
Penyediaan Dokumen Code
Of Practice For
Programme Accreditation:
**Open And Distance Learning
(COPPA: ODL)**

10 September 2023 (Ahad) 9.00 pagi - 4.30 petang

Bilik Seminar 1 (KA01S), Kompleks Akademik, UMK Bachok

Panel
Professor Dr. Andy Liew Teik Kooi
VICE CHANCELLOR
HELP University

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA), PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK)

37





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Workshop on Navigating & Nurturing SULAM@UMK:

Introduction, Governance And Implementation

18 SEPTEMBER
2023

9am-5pm

BILIK KULIAH ATTENTIVE C202DT,
UMK KAMPUS KOTA

Speaker:

Dr. Mohd Hafiz bin Abu Hassan

Deputy Director,

Center for Teaching and Learning Excellence,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE
AND DEVELOPMENT (CAED)
THE OFFICE OF
THE DEPUTY VICE-CHANCELLOR
(ACADEMIC AND INTERNATIONAL)



SULAM merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti yang melibatkan pelajar berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari di bilik kuliah.

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan pelbagai program SULAM sebagai acara tahunan bertujuan untuk menggalakkan dan mengiktiraf pelaksanaan SULAM bersama komuniti dalam kalangan pelajar dan pensyarah IPT dengan penglibatan orang awam, badan bukan kerajaan, industri dan agensi berkaitan secara lebih tersusun.

Bengkel "Navigating & Nurturing Sulam@UMK: Introduction, Governance And Implementation' telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Mohd Hafiz bin Abu Hassan, Timbalan Pengarah, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan telah diadakan di UMK Kampus Kota pada 18 September 2023.

Seramai 20 orang peserta terdiri daripada Penyelaras SULAM Fakulti dan wakil-wakil daripada setiap fakulti. Dapatan daripada sesi bengkel tersebut, didapati para peserta bengkel mempunyai pemahaman dan kesedaran yang lebih baik terhadap Service Learning Malaysia- University for Society (SULAM).

Perkongsian pengalaman dan pelaksanaan aktiviti dan projek SULAM peringkat UMK ini akan membantu bagi mendapatkan sokongan daripada Pengurusan Universiti, staf UMK amnya, pelajar dan masyarakat terhadap pelaksanaan program SULAM di Universiti. Ia juga diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendekatan pendidikan melalui khidmat masyarakat.

BENGGEL "NAVIGATING & NURTURING SULAM@UMK: INTRODUCTION, GOVERNANCE AND IMPLEMENTATION"



BENKEL “CRAFTING DYNAMIC LEARNING: A TRANSFORMATIVE CURRICULUM DESIGN IN EXPERIENTIAL LEARNING USING IDEAL”

Industry Driven Experiential Learning atau lebih dikenal sebagai ‘IDEAL’ merupakan salah satu kategori dalam pelaksanaan Experiential Learning and Competency based Education Landscap (EXCEL) yang merangkumi IDEAL, REAL, CARE dan POISE.

EXCEL adalah satu kerangka transformasi program akademik yang menggabungkan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran yang diperolehi dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi. Program ini telah dibangunkan dan dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia pada Oktober 2021.

Beberapa siri bengkel dirangka untuk memastikan UMK sentiasa kompetitif dalam area akademik di Malaysia khususnya dan antarabangsa lainnya.

Bengkel “Crafting Dynamic Learning: A Transformative Curriculum Design In Experiential Learning Using IDEAL” merupakan siri bengkel EXCEL (POISE) telah diadakan pada 3 September 2023 yang lalu.

Siri bengkel IDEAL pada kali ini telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Tenku Putri Norishah Binti Tenku Shariman, Pengarah, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pembangunan Kandungan Pendidikan, Fakulti Multimedia Kreatif (FCM), Universiti Multimedia (MMU), pada 18 September 2023 bertempat di UMK Bachok.

Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 20 orang staf akademik wakil daripada setia fakulti di UMK. Menerusi bengkel ini turut diadakan perbincangan interaktif tentang pelaksanaan pembelajaran berasaskan IDEAL serta perkongsian pelaksanaan IDEAL di MMU.



Workshop on Crafting Dynamic Learning A Transformative Curriculum Design in Experiential Learning using IDEAL

18th September, 2023 (Monday) 9.00 am - 4.30 pm

Bilik Tutorial 1, (KA01T), Kompleks Akademik, UMK Bachok.

Speaker:

YBrs. Dr. Tenku Putri Norishah Binti Tenku Shariman

Life Learning & Educational Development Center, Multimedia University.

40

CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE AND DEVELOPMENT (CAED) THE OFFICE OF THE DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)





KERJASAMA AKADEMIK

MESYUARAT PERSATUAN SEKOLAH VETERINAR ASIA (ASIAN ASSOCIATION OF VETERINARY SCHOOL) DI UNIVERSITI HOKAIDO JEPUN

Mesyuarat Persatuan Sekolah Veterinar Asia (Asian Association of Veterinary School AAVS) telah diadakan pada 15 hingga 17 September 2023 di Universiti Hokaido Jepun telah dihadiri oleh Dekan FPV, Dr. Mohd Farhan Hanif Reduan. Program ini telah berjaya meningkatkan keterlihatan FPV di dalam dunia pendidikan veterinar di Asia.

KUNJUNGAN MUHIBAH KE FAKULTAS KEDOKTORAN HEWAN DI INDONESIA

Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan telah mengadakan kunjungan balas terhadap beberapa buah Fakultas Kedokteran Hewan di Indonesia. Kunjungan ini adalah kepada Fakultas Kedokteran Haiwan Universitas Gadjah Mada, Universitas Brawijaya, Universitas Air Langga, dan Universitas Wijaya Kusuma.

Delegasi kunjungan ini adalah dihadiri oleh Dr. Mohd Farhan Hanif Reduan (Dekan FPV), Prof. Madya Dr Choong Siew Shean (Timbalan Dekan Akademik), Dr. Nor Fadhilah Kamaruzzaman (Timbalan Dekan Penyelidikan, Keusahawanan dan Hal Ehwat Pelajar), Dr Intan Noor Aina Kamarulzaman (Ketua Jabatan Sains Preklinikal Veterinar), Dr. Luqman Abu Bakar (Pensyarah kanan), dan Dr. Murshidah Asri (pensyarah).

Kunjungan ini adalah untuk merapatkan jalinan kerjasama antara FPV, UMK dan kesemua universiti di atas dalam bidang pengajaran, penyelidikan, servis komuniti dan juga penerbitan. Selain itu, pensyarah di FPV turut sama menyampaikan kuliah umum di fakulti yang dilawati. Dalam sesi lawatan ini, delegasi telah berkunjung dan melawat kemudahan pengajaran dan penyelidikan di kesemua institusi yang dikunjungi





LAWATAN JALINAN KERJASAMA OLEH PROF. DR. KARUNESH SAXENA, NAIB CANSELOR DARI SANGAM UNIVERSITY, INDIA DAN PROF. DR. DEPURU BHARATI, NAIB CANSELOR DARI SRI PADMAVATI MAHILA VISVAVIDYALAYAM, INDIA

FIAT telah menerima lawatan jalinan kerjasama daripada dua (2) Naib Canselor dari universiti luar negara iaitu Prof. dr. Karunesh Saxena dari Sangam University, India dan Prof. Dr. Depuru Bharati, Naib Canselor dari Sri Padmavati Mahila Visvavidyalayam, India.

Lawatan ini membincangkan jalinan kerjasama yang boleh dijalankan oleh kedua – dua Institusi pengajian tinggi, dan pihak FIAT akan mengadakan lawatan kunjungan balas ke universiti berkenaan pada bulan November ini.





BENGKEL PEMBENTANGAN CADANGAN PEMBANGUNAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU PASCASISWAZAH BERSAMA PENASIHAT LUAR DAN LEMBAGA PENASIHAT

Bengkel Pembentangan Cadangan Pembangunan Program Akademik Baharu Pascasiswazah bersama 4 orang Penasihat Luar dan 5 orang Lembaga Penasihat telah diadakan pada 9 Julai 2023 di Bilik Mesyuarat Lembaga Senat, UMK Kampus Kota dan 12 Julai 2023 secara dalam talian.

Hasil daripada sesi pembentangan ini, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat telah memberi laporan terhadap program baharu yang akan dibangunkan. Laporan ini merupakan salah satu syarat dalam proses pembangunan program baharu yang telah ditetapkan oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA). Selain itu, laporan daripada penasihat luar dan lembaga penasihat ini adalah keperluan dalam melengkapkan kertas cadangan pembangunan program baharu. Sesi pembentangan ini juga dapat memperluas rangkaian jaringan fakulti dengan penasihat luar dan lembaga penasihati. Ini dapat membuka peluang kerjasama, penyelidikan bersama, dan pertukaran sumber daya antara institusi atau organisasi yang berbeza.



LAWATAN PEMATUHAN AKREDITASI LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA BAGI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SENIBINA DALAMAN DENGAN KEPUJIAN, FAKULTI SENIBINA & EKISTIK

Pada 1 Ogos 2023, Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima lawatan pematuhan akreditasi dalam proses pengiktirafan akreditasi program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian. Lawatan pematuhan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah diadakan untuk memastikan semua langkah pematuhan dan perbaikan yang dicadangkan selepas laporan lawatan penilaian akreditasi sebelum ini telah diambil dengan cekap dan efektif.

Program tersebut berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang secara fizikal di FSE, UMK Bachok. Ia melibatkan kesemua pensyarah jabatan bersama dua panel penilai LAM iaitu Ar. TPr. IDr. Mohd Nazam bin MD Kassim dan IDr. Ku Saodah Binti Ku Shaari. Sesi bermula dengan taklimat, semakan fail kursus dan program penerangan tentang inisiatif-inisiatif yang telah diambil untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Semakan hasil kerja pelajar, lawatan ke ruang kuliah, bilik studio dan kemudahan di fakulti bagi membolehkan panel penilai mendapatkan gambaran menyeluruh tentang keperluan persekitaran pembelajaran.

Keseluruhan, lawatan pematuhan ini bukan hanya merupakan satu langkah akhir sebelum pengiktirafan akreditasi penuh selama 5 tahun, tetapi juga merupakan peluang untuk refleksi dan penambahbaikan berterusan. Laporan lengkap akan disediakan untuk dihantar kepada LAM dan diharapkan pengiktirafan penuh akan menjadi satu capaian yang memartabatkan program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian di UMK sebagai program yang bertaraf tinggi dan berkualiti tinggi.



BENKEL PEMURNIAN RINGKASAN TUGASAN DAN PROJEK KURSUS BERSAMA PROFESOR ADJUNG JABATAN SENIBINA DALAMAN SERTA SESI PERBINCANGAN INDUSTRI DAN AKADEMIK SEMESTER SEPTEMBER 2023/2024

Bengkel Pemurnian Ringkasan Tugas dan Projek Kursus bersama Profesor Adjung Jabatan Senibina Dalaman serta Sesi Perbincangan Industri dan Akademik Semester September 2023/2024 telah diadakan pada 27 September 2023 di Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE), UMK Bachok.

Tujuan bengkel ini untuk memberikan persediaan awal yang komprehensif kepada pensyarah yang akan memulakan tugas semester baru dalam pengajaran dan pembelajaran sepertimana nasihat yang dinyatakan oleh Profesor Adjung Jabatan Senibina Dalaman, Ar. Mohd Asri Mohd Salleh. Beliau turut menyatakan hal ini penting dalam memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti tinggi iaitu termasuk merangka kursus yang akan diambil oleh pelajar, tugas dan projek kursus yang akan dilaksanakan serta matlamat pembelajaran semester tersebut. Pensyarah juga perlu memahami tujuan, tugas, projek khusus dan kriteria penilaian untuk setiap tugas dan projek ini.

Selain mempersiapkan diri dengan baik sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran bermula, perancangan ini akan membantu penyampaian pengajaran yang lebih berkualiti oleh para pensyarah dan membantu pelajar mencapai pencapaian akademik yang lebih baik. Nasihat daripada Profesor Adjung Jabatan memberikan nilai tambah dalam memahami cabaran dan peluang dalam bidang senibina dalaman masa kini.

Sesi perbincangan ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan kualiti dan kerelevanan program pendidikan dengan keperluan semasa industri. Pelaksanaan ini juga memastikan pelajar mendapat manfaat maksimum daripada pendidikan mereka dan berjaya dalam kerjaya mereka.





DELEGASI FSDK KE AdvComp, UniMAP

Pada 6 Julai 2023, delegasi Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) telah mengadakan kunjungan hormat ke AdvComp iaitu sebuah pusat kecemerlangan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Delegasi ini telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hasyiya Karimah binti Adli, Dekan FSDK.

Kunjungan ini bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dalam beberapa bidang kegiatan akademik seperti pensyarah pelawat, penasihat penyelidikan, penerbitan bersama, geran padanan. AdvComp merupakan pusat kecemerlangan di UniMAP yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dalam bidang pengkomputeran canggih. Sejalan dengan dasar IR4.0, Advanced Computing memainkan peranan penting dalam pelaksanaan IR4.0.

Turut menyertai kunjungan ini ialah dua orang pensyarah FSDK iaitu Dr. Fakhithah Ridzuan dan En. Khairul Nizar Syazwan Wan Salihin Wong. Kunjungan kami disambut baik oleh Profesor Madya Dr. Naimah Yaakob, Ketua AdvComp, Ts. Dr. Wan Azani Wan Mustafa, Ketua Kluster Penyelidikan Pengkomputeran Pintar, Prof. Madya Syed Zulkarnain Syed Idrus, Ketua Kluster Penyelidikan Pengkomputeran Berprestasi Tinggi dan Keselamatan, Prof. Madya Ts. Dr. Ku Nurul Fazira Ku Azir Penolong Kluster Penyelidikan Pengkomputeran Prestasi Tinggi dan Keselamatan, Prof. Madya Ts. Dr. Phaklen Eh Kan, Felo Penyelidik, Prof. Madya Ir . Ts. Dr. Mohd Nazri Mohd Warip P.Eng, C. Eng, Ketua Kluster Networking dan Integrasi Sistem CITP, Prof. Madya Dr. Ong Bi Lynn Penolong Penyelidikan Kluster Networking dan Integrasi Sistem.

Kunjungan delegasi ini diharapkan dapat membuka pintu yang lebih luas bagi pelbagai peluang kerjasama yang saling menguntungkan dan membawa manfaat jangka panjang bagi kedua belah pihak.



PROGRAM JURULATIH DAN MENTOR UMK: KELAB ROBOTIK SKOT (2) UNTUK PERSEDIAAN KE PERTANDINGAN ROBOTIK ROBO TRACER PETROSAINS 2023 DI (POLITEKNIK SULTAN MIZAN, DUNGUN, TERENGGANU)

Ts. Dr. Mazlan Bin Mohammad, Pensyarah Kanan FSDK telah dijemput sebagai jurulatih dan mentor bagi pasukan robotik SK Othman Talib (2) untuk pertandingan Petrosains RBTX Challenge peringkat Zon Timur 2023: Robo Tracer Junior. Program latihan ini telah diadakan di SK. Othman Talib (2), Pasir Mas pada 18 September 2023. Jalinan kerjasama ini adalah antara Kelab Robotik SK. Othman Talib (2) dengan UMK.



Untuk pengetahuan semua, pasukan robotik SK Othman Talib (2) telah berjaya layak menyertai Pertandingan Robo Tracer Petrosains RBTX Challenge Peringkat Zon Timur 2023 yang diadakan pada 19 hingga 20 September 2023. Program persediaan ini juga turut dibantu oleh 5 orang pelajar latihan industri.



Kelab robotik SKOT (2) ini memerlukan kepakaran dalam 'coding' untuk persediaan ke pertandingan itu nanti. Semoga segala tunjuk ajar dan ilmu yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu pasukan robotic SKOT (S) untuk berjaya dalam pertandingan tersebut. Pihak FSDK berharap agar pasukan robotik SK Othman Talib (2) akan berjaya dengan jayanya dalam pertandingan tersebut



KUNJUNGAN HORMAT PAHANG SKILLS DEVELOPMENT CENTER KE FAKULTI SAINS DATA DAN KOMPUTERAN

Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) telah menerima kunjungan hormat daripada Pahang Skills Development Center pada 13 Julai 2023 di Bilik Mesyuarat Keusahawanan Maybank, UMK Kampus Kota. Kunjungan hormat ini telah disambut oleh Timbalan Dekan FSDK, Ts. Dr. Hadhrami Ab Ghani, Ketua Jabatan, Ts. Dr. Alina Ismail serta Penolong Pendaftar, Pn. Norlifarizam Mohamad Siebi. Kunjungan ini bertujuan bagi mempromosikan Program Upskilling kepada lepasan Siswazah.

En. Muhammad Suhaizzat Bin Mohd Salleh selaku Penolong Pengarah Kanan (Unit Program khas) Pahang Skills turut memperkenalkan beberapa pensijilan yang ditawarkan seperti Siemens PLC Programming with IoT Intergration, Solat GCPV Technology System Installation, Phyton certification and Application in Data Analytics, Drone Pilot For Agriculture dan pelbagai lagi pensijilan menarik yang mana boleh membantu pelajar lepasan siswazah dalam meningkatkan kebolehpasaran. Matlamat utama program yang ditawarkan adalah membantu rakyat Malaysia mencari program latihan yang berkaitan bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka serta meningkatkan daya saing pencari kerja, dan menyiapkan siagakan mereka untuk kerjaya jangka panjang dalam industri yang mempunyai permintaan tinggi. Turut hadir En. Mohd Adhan Safarin Bin Kamaruddin, Penolong Pengarah (Unit Program Khas) dan En. Umar Baki Bin Suboh, Penolong Operasi (Unit Pentadbiran) dari Pahang Skills.



KUNJUNGAN HORMAT FSDK DAN AIBIG KE BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM), PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN (SUK) NEGERI KELANTAN

Kunjungan hormat ini diketuai oleh Pengarah Institute for Artificial Intelligence and Big Data - AIBIG, Dr. Muhammad Akmal Remli serta diiringi oleh Ketua Jabatan FSDK, Ts. Dr. Nor Alina Ismail serta Felo Bersekutu AIBIG iaitu Ts. Dr. Mazlan Mohamed dan Ts. Cik Salmiah Ahmad.

Kunjungan kami disambut baik oleh En. Nik Rahimin Wan Husin selaku Pengarah BPTM serta turut hadir En. Mohd Zawawi Ab Rahman, Pegawai Teknologi Maklumat (Seksyen Pembangunan), Pn. Salina Adnan, Pegawai Teknologi Maklumat (Seksyen Operasi) dan Tuan Asri Tuan Deraman, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Seksyen Operasi) di Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK)

Kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dengan BPTM terutama dalam bidang Kepintaran Buatan (AI) dan Sains Data. Selain itu, program latihan seperti pensijilan, seminar dan bengkel tentang kursus profesional dari segi penyelidikan di bawah AIBIG turut dibentangkan kepada pihak BPTM. Pada masa yang sama program akademik yang ditawarkan di FSDK juga turut dipromosikan.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KE INSTITUT PENYELIDIKAN VETERINAR IPOH

Pihak VRI sungguh berbesar hati menerima kunjungan Lawatan Sambil Belajar daripada seramai 19 orang kakitangan “Veterinary Diagnostic Centre” (UVDC), Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan yang diketuai oleh Dr. Mohd Farhan Hanif Bin Reduan, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar. Lawatan separuh hari ini turut disertai oleh pelbagai peringkat jawatan seperti penyelaras makmal, Pegawai Veterinar, Pegawai Sains dan Pembantu Makmal.

Para peserta disantuni oleh Dr. Faizah Hanim bt Mohd Saeid, Pengarah VRI dan barisan ketua seksyen /unit dengan memberi penerangan ringkas di Bilik Seminar Patologi. Seterusnya para peserta berpeluang melawat setiap seksyen/unit untuk melihat dan memahami dengan lebih dekat tentang aktiviti makmal yang dijalankan di VRI ini.

Semoga program seumpama ni akan menjadi pemangkin dalam membina jalinan kerjasama dan kolaborasi yang lebih kondusif dalam pelbagai sudut ke arah kemampanan kemajuan dalam bidang veterinar khususnya.



FPV

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK



LAWATAN PENANDA ARAS KE PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Lawatan penanda aras ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan pencerahan berhubung kaedah pelaksanaan promosi tempatan yang dilaksanakan di UKM dan perkongsian amalan baik di universiti berkaitan dasar dan garis panduan penyeliaan, kaedah penyimpanan tesis dan juga mengenai instrumen penilaian penyelia dan program pengajian. Lawatan ini telah selesai diadakan pada 20 September 2023 bertempat di Pusat Pengurusan Akademik, UKM, Bangi.

PPS

LAWATAN KOLABORASI KE UNIVERSITAS MERCU BUANA (UMB), KAMPUS MERUYA, JAKARTA, INDONESIA

Lawatan kolaborasi ke UMB telah diadakan pada 22 September 2023 yang diwakili oleh Dr. Hasyiya Karimah Adli, Dekan FSDK. Fakulti yang dilawati di sana adalah Fakultas Ilmu Komputer (FASILKOM), Universitas Mercu Buana (UMB), Kampus Meruya, Jakarta, Indonesia.

Sesi lawatan ini telah dihadiri oleh Dekan FASILKOM UMB, Dr. Bambang Jokonowo, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan Keselamatan Siber, Ketua Jabatan Kecerdasan Buatan (AI), dan seorang pegawai dari Pejabat Antarabangsa UMB.

Sesi ini membincangkan peluang kolaborasi dalam program pertukaran pelajar iaitu FSDK bakal menerima 10 orang pelajar UMB untuk mendaftar kursus Pengenalan kepada Sains Data di bawah Program BIT bagi semester Sept 2023/2024. Selain itu, perbincangan dilanjutkan lagi berkenaan dengan pelantikan Co-Supervision bagi pelajar Indonesia dalam Program Master dan Doktor Falsafah (PhD) serta perancangan akan datang berkenaan dengan Program Joint Degree Master Mixed-Mode Data Science.

Pihak FSDK berharap lawatan ini akan membawa manfaat dan perkongsian ilmu yang berkekalan antara kedua-dua pihak pada masa hadapan.

FSDK



LAWATAN DELEGASI RAMAIAH INSTITUTE OF MANAGEMENT, INDIA KE UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Pada 2 Januari 2023, UMK melalui MGSEB telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Ramaiah Institute of Management, India (MRIMS) yang melibatkan kerjasama dalam mempromosikan program mobiliti dalam kalangan staf akademik, professional dan berkepakaran dalam bidang serta membantu pembangunan akademik, program profesional seperti simposium, syarahan perdana, persidangan, kursus jangka pendek dan penyelidikan.

Bagi tujuan tersebut, pihak MRIMS telah mengadakan lawatan ke UMK untuk sesi libat sama di antara UMK dan MRIMS. Dr. Kiran Kumar Thoti dilantik sebagai Pegawai Pengiring kepada delegasi ini.

Selain itu, objektif lawatan adalah untuk menyediakan ruang dan peluang kerjasama di antara UMK dengan pihak luar, memperkukuhkan hubungan baik dengan rakan strategik, meningkatkan keterlihatan UMK di peringkat antarabangsa dan memantapkan medium pemasaran bagi membina, mengekalkan, mengukuhkan imej jenama dan kedudukan UMK.



LAWATAN KE PEJABAT PENERUSI MALAYSIA-THAILAND BUSINESS COUNCIL (MTBC)



Lawatan ke Pejabat Pengerusi Malaysia-Thailand Business Council (MTBC) pada 14 September 2023 telah diketuai oleh Dekan Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business (MGSEB), Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi. Kunjungan lawatan ini telah disambut baik oleh Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia-Thailand dan mantan Pengarah Eksekutif Pembangunan Perniagaan di Kenanga Investment Bhd, Encik Megat Mizan Nicholas Denney.

UMK dan MTBC mencapai persetujuan dalam perbincangan berhubung pihak MTBC akan menggerakkan rangkaian dan memanjangkan objektif perbincangan kepada pengurusan tertinggi untuk menyediakan sumber bagi menyokong penawaran modul MBA dalam Tadbir Urus Korporat, dengan kerjasama Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG). Selain itu, MTBC juga akan membincangkan berkenaan program Pendidikan Eksekutif (EEP) dan MicroCredentials kepada pengurusan tertinggi dan rakan kongsinya dan akhir sekali permulaan kohort MBA dan DBA khas untuk Ahli Majlis Pengurusan Tertinggi.

MGSEB



MESYUARAT ASEAN KICK OFF

Mesyuarat ASEAN Kick off pada 12 Oktober 2023 secara fizikal telah berlangsung jayanya di University of Applied Sciences Northwestern Singapore (FHNW). Mesyuarat telah dihadiri oleh Dekan MGSEB, Prof. Roselina Ahmad Saufi dan wakil FHNW, Prof. Dr. Arie Hans Verkuil. Mesyuarat ini bertujuan menghargai kesanggupan UMK-MGSEB untuk mengekalkan kedudukannya sebagai ahli Lembaga Pengarang Antarabangsa bagi Springer Publication yang berprestij pada siri Buku Keusahawanan Lanjutan.

Antara sinergi antara aktiviti ekosistem Keusahawanan/Inovasi dan penyelidikan adalah Cabaran Inovasi Switzerland ASEAN, Projek penyelidikan iringan Bersama dan Siri Buku Springer Jilid 2 2024 (Strategi Mampan untuk Kejayaan dalam Pasaran Antarabangsa 2024). Selain itu, peluang untuk kerjasama UMK-MGSEB adalah MBA Antarabangsa Bersama dan Persidangan Bersama 2026 Pembangunan Perniagaan Mampan. Perkongsian ini juga akan menyaksikan MGSEB terlibat secara aktif dalam semua perkara pembangunan Ekosistem Permulaan global termasuk menjalankan penyelidikan perbandingan empat negara akan datang melibatkan Switzerland, Indonesia, Vietnam dan sudah tentu Malaysia.





MOBILITI & ANTARABANGSA

OUTBOUND MOBILITY PROGRAM: THE 3RD UNUSA BRAVE - MAKING SDGS A REALITY

FKP

Program mobiliti yang melibatkan pelajar FKP telah diadakan pada 21 Ogos hingga 26 Ogos di Universitas Nahdlatul Ulama Surabaya, Indonesia.

Program mobiliti pelajar ke luar negara ini juga merupakan salah satu Key Performance Indicator di bawah agenda pengantarabangsaan universiti awam di Malaysia. Pendedahan yang akan diperolehi oleh bakal graduan melalui program mobiliti pelajar ke luar negara ini bukan hanya memberikan nilai tambah kepada mereka bagi memperluaskan diri sebagai seorang graduan, bahkan untuk bersaing di alam pekerjaan kelak kerana program ini dilihat mampu meningkatkan keyakinan serta daya saing bakal graduan. Justeru, penglibatan pelajar FKP ke dalam program The 3rd UNUSA BRAVE - Making SDGs a Reality adalah salah satu usaha berterusan FKP untuk memberi peluang kepada pelajarannya terdedah dengan pengalaman dan program pemindahan ilmu di peringkat antarabangsa.

Global Engagement of Universitas Nahdlatul Ulama Surabaya

THE 3rd UNUSA BRAVE PROGRAM

August 21st - 26th, 2023

MAKING SDGs a REALITY

"Clean Water, Sanitation, Good Health and Well-being"

Program mobiliti pelajar ke luar negara adalah suatu kaedah bagi melahirkan graduan yang holistik, bersifat global dan berfikiran terbuka serta ia seiring dengan saranan United Nations Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG4: Quality Education dan SDG17: Partnership for the goals.

Di samping itu, program mobiliti pelajar ke luar negara ini bertujuan untuk memenuhi matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi melahirkan graduan yang berbakat, berkemahiran dan berilmu yang bersedia menghadapi cabaran global abad ke-21 ini.



Beranda > Pendidikan

Pendidikan

Mahasiswa Malaysia Bermain Angklung di Unusa

Penulis: IndonesiaPos - 23/08/2023

👁️ 195 🗨️ 0



FKP



SOCIAL ENTERPRISE FOR ECONOMIC DEVELOPMENT: MINI-SEED THAILAND 2023

FKP



Program "Social Enterprise for Economic Development: Mini-SEED Thailand 2023" merupakan inisiatif yang diarahkan ke arah pembangunan graduan yang holistik, berfikiran global, dan peka terhadap pelbagai budaya. Dalam menyokong hasrat ini, program mobiliti pelajar ke luar negara dianggap sebagai salah satu kaedah untuk mencapai matlamat tersebut dan menepati kepada saranan United Nations Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG4: Quality Education dan SDG17: Partnership for the goals.

Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan graduan yang tidak hanya cemerlang dari segi akademik, tetapi juga mempunyai pemikiran keusahawanan antarabangsa, daya saing global, serta kecekapan dalam pelbagai bidang aktiviti. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mempersiapkan graduan dengan persediaan mental, fizikal, dan emosi untuk menghadapi dunia pekerjaan yang kompetitif melalui pengalaman yang diperoleh semasa menjalani program ini di luar negara.

Aktiviti Pendedahan Kepada Kepelbagaian Budaya
Lawatan ke tempat-tempat bersejarah, muzium, dan lokasi budaya untuk memperkenalkan pelajar kepada kepelbagaian budaya di Thailand.

Program Pertukaran Budaya

Menyusun program di mana pelajar dapat berinteraksi dengan penduduk tempatan, mengamati dan menghormati budaya tempatan serta mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti tradisional.

Aktiviti Minda Keusahawanan Antarabangsa

Sesi kursus dan bengkel yang diberi oleh pakar keusahawanan tempatan untuk memperkenalkan konsep dan strategi keusahawanan antarabangsa.

Lawatan ke Usahawan Tempatan

Membolehkan pelajar melawat usahawan tempatan untuk memahami pengalaman dan cabaran mereka dalam perniagaan di Thailand.

Aktiviti Kemahiran Menyelesaikan Masalah Secara Kritis dan Kreatif

Memberi peluang kepada pelajar untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi di bidang keusahawanan sosial, yang kemudiannya membantu mereka memahami dan menyelesaikan masalah dengan cara yang kritis dan kreatif.

Aktiviti Kemahiran Sosial dan Komunikasi

Mengadakan latihan dan perbincangan kumpulan untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi dan perundingan pelajar di samping menganjurkan pelajar untuk terlibat dalam projek kerja amal dan khidmat masyarakat di komuniti setempat, memupuk kemahiran sosial dan tanggungjawab terhadap masyarakat.





FSDK

Program PERTUKARAN PELAJAR (STUDENT EXCHANGE) ANTARA FATONI UNIVERSITY, THAILAND DAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

JUN 2023 - FEBRUARI 2024



PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR (STUDENT EXCHANGE) ANTARA FATONI UNIVERSITY (FTU), THAILAND DAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

Seramai 12 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat yang terdiri daripada Tahun 2 dan 3 telah menjalani Program Mobiliti di Fatoni University, Thailand. Program mobiliti ini akan berlangsung selama dua minggu bermula 9 hingga 22 September 2023. Delegasi ini telah diketuai oleh Dr. Hasyiya Karimah Binti Adli, Dekan Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK). Ketibaan delegasi tersebut disambut baik oleh: 1) Prof. Madya Dr. Muhammadsukree Manunuh, Naib Rektor Hal Ehwal Akademik, 2) U. Abdulrahman Binwaeusoh, Pengarah Perhubungan Antarabangsa dan Biasiswa, 3) Assist. Prof. Dr. Abdullah Uma, Naib Rektor Pembangunan Potensi Pelajar, 4) Assist. Prof. Dr. Anuwat Worlee, Dekan Fakulti Sains dan Teknologi, 5) Dr. Sahidan Abdulmana, Ketua Jabatan Sains Data dan Analitik, 6) Mr. Fauzan Mapa, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat, 7) Mr. Maroning Useng, Pengarah Akademik Pusat Sumber.

Semoga program ini akan memberi peluang kepada para pelajar dari kedua-dua universiti ini bagi menambahkan lagi pengetahuan mereka dalam bidang Teknologi Maklumat dan merasai pengalaman berharga tentang budaya dan persekitaran pembelajaran yang berbeza. Selamat maju jaya.



CLOSING CEREMONY

FTU AND UMK STUDENTS MOBILITY PROGRAM

FACULTY,
SCIENCE & TECHNOLOGY

SEPTEMBER 21, 2023
FATONI UNIVERSITY



MAJLIS PENUTUP PROGRAM MOBILITI ANTARA FTU DAN PELAJAR UMK

Majlis penutup ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat 30-201 Saleh Ali Building, University Fatoni, Thailand pada 21 September 2023. Majlis ini telah dihadiri oleh Assist. Prof. Zakee Niseng, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar, Dr. Sahidan Abdulmana, Ketua Jabatan Sains Data dan Analitik, Aj. Fauzan Mapa, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat, Aj. Maroning Useng, Pengarah Akademik Pusat Sumber.

Majlis dimulai dengan bacaan ayat suci Al-Quran daripada salah seorang pensyarah FST. Selepas itu, majlis diteruskan lagi dengan ucapan penutup daripada Assist. Prof. Zakee Niseng dan kemudiannya pembahagian sijil dan cenderamata kepada 12 orang pelajar FSDK sebagai tanda penghargaan kerana telah menamatkan program mobiliti ini.

Para pelajar juga turut berkongsi pengalaman dan budaya baru yang telah mereka dapat sepanjang menyertai program ini. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah disertai oleh pelajar-pelajar, antaranya adalah pendedahan cara penggunaan Microsoft Power BI, ChatGPT, KNIME dan juga Adobe Photoshop. Majlis diakhiri dengan ucapan daripada Aj. Fauzan Mapa. Semoga segala ilmu dan budaya yang baru dapat dijadikan pengajaran dan pengalaman yang berharga kepada semua pelajar. Pihak FSDK ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak FTU kerana telah memberikan suatu pengalaman yang berharga sepanjang program mobiliti ini berlangsung. Semoga kerjasama erat antara FTU dan UMK akan terus berkekalan. Terima kasih.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DAN LETTER OF INTENT (LoI) DI ANTARA UMK DENGAN RAKAN STRATEGIK ANTARABANGSA

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Surat Niat (LoI) Antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan beberapa rakan strategik universiti telah diadakan di American Corner, Pejabat Pusat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK Bachok pada 3 Julai 2023.

Kerjasama itu ditandatangani antara UMK dan Institut Teknologi Fesyen Jiangxi (JIFT), China, Kolej Ekonomi Moden dan Pengurusan Universiti Kewangan dan Ekonomi Jiangxi (CMEM-JUFE), Universiti Alzette dan Kolej Universiti Kings. Acara kemudian diteruskan dengan perbincangan antara fakulti dan wakil dari semua universiti rakan strategik



MESYUARAT PENGARAH PUSAT ANTARABANGSA UNIVERSITI AWAM MALAYSIA (JKPA) KALI KE-29

Mesyuarat Pengarah Pejabat Antarabangsa Universiti Awam Malaysia (JKPA) kali ke-29 telah berjaya dihoskan oleh UMT dan UNISZA dari 9 Julai dan 10 Julai 2023 . UMK diwakili oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah UMKI.

Agenda mesyuarat selama 2 hari iatu termasuk perbincangan mengenai Special Interest Group (SIG) seperti mobiliti pelajar, urusan visa dan pengantarabangsaan serta perkongsian amalan baik dari universiti awam Malaysia.



UMK-SKRU CULTURAL EXCHANGE MOBILITY PROGRAM 2023

UMK International telah terlibat dalam penganjuran Program Mobiliti Pertukaran Budaya UMK-SKRU 2023 yang diadakan dengan kerjasama Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan (FTKW) dan Fakulti Seni Halus, Songkhla Rajabhat Universiti, Thailand pada 4 hingga 8 Julai 2023. Dr Kanit Sripaoraya, Wakil Wilayah (Thailand, Indo-China, Kemboja, Myanmar & Laos) UMK International yang juga Pensyarah Kanan FTKW telah mengetuai program tersebut dengan jayanya.



MESYUARAT DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DAN UNIVERSITAS CIPUTRA SURABAYA, INDONESIA


Satu mesyuarat permulaan secara maya telah diadakan antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universitas Ciputra Surabaya (UCS) melalui Zoom Meeting pada 7 Julai 2023. UMK International, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dan Pusat Pengajian Siswazah Keusahawanan dan Perniagaan Malaysia (MGSEB) mewakili UMK dalam mesyuarat ini.

Perbincangan yang terperinci telah diadakan di antara kedua-dua pihak berkenaan program akademik dan mobiliti untuk pelajar peringkat bawah dan lepasan ijazah. Pada akhir mesyuarat, kedua-dua universiti telah bersetuju untuk meneruskan Memorandum Persefahaman (MoU) di mana MGSEB akan mengambil alih. Semoga lebih banyak lagi potensi kerjasama di masa hadapan antara UCS dan fakulti lain di UMK.

KUNJUNGAN HORMAT UNIVERSITAS NEGERI PADANG KE UMK

UMK telah menerima kunjungan hormat Naib Dekan Fakulti Ekonomi Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia, Dr Abror dan pasukannya selama dua hari bermula 12 Julai hingga 23 Julai 2023. Delegasi melawat UMK Kampus Bachok pada hari pertama dan sempat menjelajah kawasan kampus.

Satu mesyuarat kerjasama antara delegasi UNP dan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah diadakan pada hari kedua di Bilik Mesyuarat FKP, Kampus Kota UMK, dipengerusikan oleh dekan FKP, Prof Madya Ts. Dr Zailani bin Abdullah. Ia merupakan perbincangan yang membuahkan hasil di mana kedua-dua pihak telah bersetuju dalam pelbagai bidang kerjasama. Rombongan turut mengadakan lawatan ke pejabat UMK Antarabangsa pada hari yang sama, disambut oleh Pengarah UMKI, Prof Madya Dr. Ng Siew Foen.



25TH PRINCE OF SONGKHLA UNIVERSITY (PSU) EDUCATION FAIR 2023

UMK International (UMKI) telah menyertai PSU Edu Fair 2023 pada 17 - 18 Ogos 2023 di Prince of Songkla University, Hat Yai, Thailand. Penyertaan program ini bertujuan untuk mempromosikan program akademik UMK serta meningkatkan keterlihatan UMK di peringkat antarabangsa.

Delegasi UMK ke program ini diketuai oleh Dr Kanit Sripaoraya, Wakil Rantau UMKI, Ts Dr Ainihayati binti Abdul Rahim Timbalan Dekan (Akademik), Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi, dan Dr Nurul Akmar Binti Che Zaudin Timbalan Pengarah (Pengantarabangsaan), UMK Antarabangsa. Sepanjang program 2 hari, UMKI berpeluang untuk bertemu dan berkongsi maklumat kami kepada pelajar sekolah, guru sekolah, guru bimbingan kerjaya, ibu bapa dan pelajar universiti dari pelbagai institusi dan wilayah.

Antara sekolah yang hadir menyertai program ini adalah Sekolah Saengtham Wittaya Mulnithi, Sekolah Sangklom Islam wittaya, Pondok Islam Moden Rasmianusor, Sekolah Rungrotewittaya, Sekolah Islam Bumrungsat (Ponok Klong Luek), Sekolah Yayasan Phattanasart, Sekolah HatYai Wittayakarn, Sekolah Chaeng Wittaya, Sekolah Woranari Chaloe Songkhla, Sekolah Thidanukhro dari Songkhla, Sekolah Thammasat Witthaya, Sekolah Muslim Satun Wittaya dari Satun, Sekolah Mattayom Watkhuanvasemulanithi dari Trang, Sekolah Yayasan Panyasaratham dari Nakorn Si Thammarat, Sekolah Sassamakki, Sekolah Yayasan Azizstan, Sekolah Songsermsat, Sekolah Yayasan Prasan Wittaya, Sekolah Pu Yut PrachaRak, Sekolah Darun Witthaya, Sekolah Darunsat Wittaya dari Pattani, Sekolah Saengthamwittaya, Tessaban 1, Institut Attarkiah Islamiah, Sekolah Darussalam, Sekolah Saengthamwittaya, Sekolah Nuruddin, Sekolah Rajaprachanukroh dan Sekolah Suan Phraya Wittaya dari Narathiwat.



PERBINCANGAN BERSAMA EDUCATION MALAYSIA JORDAN: PENGAMBILAN PELAJAR TIMUR TENGAH

UMK International telah menghadiri Mesyuarat Dalam Talian pada 21 Ogos 2023 bersama EM Jordan dan ejen berlesen di Jordan yang diwakili oleh Shehab dari Al-Huda University Services. Terima kasih kepada Yasmeeen Al-Maani, Ketua Kenaikan Pangkat & Hal Ehwal Akademik, Education Malaysia Jordan, Kedutaan Malaysia, Amman/Jordan atas jemputan untuk menyertai mesyuarat bagi membincangkan potensi pengambilan pelajar Timur Tengah ke Malaysia.

SESI PERBINCANGAN BERSAMA KAUNSELOR FIJI

Pada 3 Ogos 2023, satu pertemuan yang produktif telah berlangsung di Le Meridien Kuala Lumpur antara UMK dan Kaunselor Fiji dari Jakarta, diatur oleh En. Soon Koi Voon dari Endeavour, Pte Ltd. UMK telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa, Prof Dr Nik Maheran dan Pengarah Antarabangsa UMK, Prof. Madya Dr Ng Siew Foen.

Semasa mesyuarat itu, Kaunselor Issac Grace memberikan pandangan berharga tentang kekuatan Fiji dan keperluan semasa rakyatnya. Beliau menyatakan hasrat untuk memupuk kerjasama antara universiti Fiji dan UMK dalam bidang keusahawanan, pelancongan & hospitaliti, kelestarian, dan isu iklim. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa langkah seterusnya perlu menganjurkan mesyuarat U2U untuk mengukuhkan kerjasama masa depan.

LAWATAN OLEH PRINCE OF SONGKHLA UNIVERSITY (PSU), PATTANI CAMPUS KE UMK

Delegasi Universiti Prince Songkhla (PSU), Kampus Pattani telah mengadakan lawatan ke UMK pada 3 Ogos 2023. Delegasi PSU diketuai oleh Dr. Warapark Maithreephun, Penolong Presiden bagi Misi Penyelidikan dan Sosial, Prof. Dr. Farok bin Zakaria, Pakar Kanan Pusat Bahasa, dan Cik Thantawan Aparattanakhun, Ketua Pusat Bahasa dari PSU.



SESI LIBAT URUS BAHAGIAN EDUCATION MALAYSIA (BEM) BERSAMA UMK

Universiti Malaysia Kelantan International (UMKI) telah menerima kunjungan Bahagian Pendidikan Malaysia (BEM) untuk "Sesi Libat Urus" kali ke-2, bertempat di Bilik Mesyuarat UMKI, Kampus Bandaraya UMK. Sesi ini adalah susulan kepada sesi pertama yang berlangsung pada 30-31 Disember 2019.

Matlamat utama sesi ini adalah untuk menilai pengurusan pelajar antarabangsa dan mengeratkan hubungan antara kedua-dua institusi. Mengetuai perwakilan ialah Pengarah BEM, YBhg. Dato' Haji Shushilil Azam bin Shuib, dan beliau dibantu oleh Mdm Nor Zalfarita binti Muhammad Nor, En Erizman bin Soib, Cik Fitreel Huda binti Ab. Rahim, dan Cik Sasirecka a/p Latchimanan. Mewakili UMKI ialah Profesor Madya Dr. Ng Siew Foen, Pengarah, Dr. Nurul Akmar Binti Che Zaudin, Timbalan Pengarah (Pengantarabangsaan), Mdm. Kho Siew Leen, Penolong Kanan Pendaftar, En Ahmad Aiman Bin Ahmad.

Maklum balas berharga yang diterima daripada BEM semasa lawatan itu akan memainkan peranan penting dalam membuat penambahbaikan untuk meningkatkan pengalaman pelajar antarabangsa UMKI dan pengurusan keseluruhan. UMKI memuji inisiatif oleh EMGS dalam menghubungi institusi untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang urusan visa pelajar antarabangsa dan komited untuk bekerjasama dengan EMGS dalam menjadikan Malaysia hab bakat dan pengetahuan.



SUMMER CAMP RENPER 2023

UMKI telah menganjurkan Program Summer Camp RENPER pada 12 hingga 16 Ogos 2023. Seramai 8 peserta dari Brunei, Indonesia dan Thailand telah menyertai program yang diadakan sempena 10th Regional Network On Poverty Eradication Conference 2023



PERBINCANGAN BERSAMA HK HAIBIN EDUCATION GROUP LIMITED

Perbincangan ringkas yang dipengerusikan oleh Prof. Dr Nik Maheran binti Nik Muhammad bersama Pengerusi HK Haibin Education Group Limited, Encik Hu Haibin dan pembantunya, Encik San Tu, untuk membincangkan cabaran yang dihadapi oleh pelajar pasca siswazah China. UMK komited untuk menyelesaikan isu-isu ini, meningkatkan keseluruhan pengalaman dan prospek untuk pelajar pasca siswazah kami. Perbincangan itu juga meneroka peluang untuk mempromosikan program sarjana muda 2+2 UMK dalam kalangan pelajar China di China. Kami bercita-cita untuk menjadikan UMK sebagai pilihan utama pendidikan sarjana muda dalam kalangan pelajar China melalui kerjasama ini.

Perbincangan telah diadakan pada 5 September 2023 di Kampus UMK City dan dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen, Pengarah UMK Antarabangsa, Prof. Prof Ts. Dr Nik Zulkarnaen Bin Khidzir, timbalan pengarah (Pemasaran) UMK Antarabangsa; Dr An'amt Bin Mohamed Noor, timbalan dekan, Pusat Pengajian Siswazah; Cik Chua Hui Wen, Wakil Wilayah untuk China dan Mongolia.




PERBINCANGAN BERSAMA EJEN PEREKRUTAN PELAJAR ANTARABANGSA, GTEX ASIA SDN BHD

Pada 15 Ogos, 2023, UMKI berjaya memulakan pertemuan yang produktif melalui dalam talian dengan ejen berpotensi GTEX ASIA SDN BHD, pakar pembangunan bakat tempatan dan sumber teknologi terkemuka yang terletak di Cyberjaya. Agenda utama mesyuarat itu melibatkan pengenalan kepada rangkaian komprehensif program prasiswazah dan pascasiswazah UMK, disertai perbincangan awal mengenai potensi kerjasama dengan institusi pendidikan China untuk program prasiswazah.

Perbincangan dihadiri oleh Pengarah UMKI Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen, disokong oleh Cik Chua Hui Wen, Wakil Wilayah China dan Mongolia dan Puan Tuan Azma, kakitangan pemasaran UMKI. Manakala pihak GTEX ASIA SDN BHD diwakili oleh CEO En. Lee Kuan Peng dan COO En. Tan Tin Soon (Brandon). Interaksi yang memberangsangkan ini meletakkan asas kepada perkongsian yang saling menguntungkan yang bertujuan menarik pelajar antarabangsa yang bercita-cita tinggi untuk meneruskan perjalanan pengajian tinggi mereka di UMK.


PERBINCANGAN BERSAMA EJEN PEREKRUTAN PELAJAR ANTARABANGSA, RERUAI ASIA EVENTS

Satu pertemuan telah diadakan antara Miss Tanusha Muniandy, Ketua Pegawai Eksekutif Reruai Asia Events pada 5 September 2023. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah (Pemasaran) UMKI Prof. Ts. Dr Nik Zulkarnaen dan turut dibantu oleh Dr Mohammed Aurifullah, Wakil Wilayah India. Beberapa potensi penglibatan telah dibincangkan



PERBINCANGAN BERSAMA EJEN PEREKRUTAN PELAJAR ANTARABANGSA, HK GAOSHENG

Satu perbincangan telah diadakan antara HK Gaosheng dan UMK International untuk bekerjasama meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa mengikuti program pasca siswazah di UMK. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah UMKI Prof. Prof Ts. Dr Nik Zulkarnaen dan dibantu oleh Cik Chua Hui Wen, Wakil Wilayah China dan Mongolia, Puan Tuan Azma, kakitangan pemasaran UMKI dan Cik Nurairfani.



KUNJUNGAN AUSTRALIAN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS KE UMK MALAYSIA

Delegasi wakil dari institusi pengajian tinggi Australia telah mengadakan kunjungan ke UMK Kampus Kota pada 10 dan 11 September 2023. Education Malaysia Australia (EMA) dengan kerjasama UMK International mengadakan lawatan selama 2 hari ini di Kelantan sebagai sebahagian daripada lawatan dengan objektif untuk memperkenalkan universiti awam Malaysia kepada institusi pengajian tinggi Australia. Semoga hasil daripada program setahun sekali ini dapat mengembangkan potensi kerjasama dan program pertukaran antara UMK dan pelbagai institusi Australia.

Tidak sabar-sabar untuk memperkenalkan dan menerokai perniagaan tempatan, makanan, budaya dan warisan Kelantan sendiri dengan para perwakilan dalam perjalanan alam semula jadi ini. Destinasi seterusnya untuk perwakilan Australia ialah UMK TRaCe - Pusat Penyelidikan Hutan Hujan Tropika UMK! Mereka delegasi mempunyai masa yang menakjubkan merasai keindahan alam Tasik Banding dan keunikan budaya Kelantan seperti belajar 'Joget' Kelantan dan 'batik' mewarna. Program ini telah berjaya dihoskan oleh UMKI, Education Malaysia Global Services (EMGS) dan Education Malaysia Australia (EMA). Mengharapkan lebih banyak kerjasama dengan institusi dari Australia.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

etiqa

INSURANCE BRIEFING
on Etiqa Family Takaful Berhad (EFTB) Plan 1

July 06, 2023
10:30 am
via Zoom Meeting
[https://zoom.us/j/98367814888?
pwd=ZOR4Q25GNmRzZXprQXR3T2pxWHV1UT
09](https://zoom.us/j/98367814888?pwd=ZOR4Q25GNmRzZXprQXR3T2pxWHV1UT09)

AHMAD FAHEEM BIN ABDUL HALIM
ETIQA ACCOUNT MANAGER

REGISTER NOW

Organised by: UMK International

SESI TAKLIMAT ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD

UMK International mengambil inisiatif untuk menganjurkan Taklimat Insurans Maya mengenai Etiqa Family Takaful Berhad (EFTB) kepada Pelajar Antarabangsa UMK pada 6 Julai 2023, 10:30 pagi melalui platform Zoom. Objektif taklimat ini adalah untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar antarabangsa mengenai perlindungan polisi insurans yang telah dibeli melalui Perkhidmatan Global Education Malaysia (EMGS).

Taklimat telah disampaikan oleh En Ahmad Faheem bin Abdul Halim, Pengurus Akaun Etiqa Malaysia yang mengambil masa kira-kira sejam. Semasa taklimat tersebut, para pelajar dimaklumkan tentang manfaat insurans mengikut pelan yang telah mereka beli, prosedur tuntutan dan kepentingan Etiqa Smile Apps. UMK International pastinya akan menganjurkan taklimat ini lagi pada masa hadapan untuk manfaat pelajar.



Empat Mahasiswa UMK telah menyertai Jambori Rakan Metamorfosis 2023 pada 13 September hingga 16 September 2023, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, Selangor. Acara ini mengumpulkan rakan-rakan pelajar dari setiap universiti awam di Malaysia. Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan pengalaman serta membina hubungan baik di antara pelajar tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk graduan yang bersifat warga global dan berdaya saing, bersedia untuk masa hadapan dan pemimpin antarabangsa yang berpotensi. Ia juga dapat meningkatkan lagi kemahiran *soft skills* graduan di samping memberi pendedahan untuk menjadi duta kepada para pelajar antarabangsa lain yang berminat untuk datang ke Malaysia

METAMORPHOSIS BUDDIES JAMBOREE 2023



STAFF MOBILITY AND TRAINING

Staff Mobility and Training yang telah dijalankan bertujuan menjalinkan kerjasama antara dua universiti iaitu UMK MGSEB dan University of Oradea, Romania. Program ini juga untuk mengekalkan aktiviti akademik dan penyelidikan antarabangsa serta mencetuskan rasa ingin tahu dan keterujaan pelajar tentang dunia di sekeliling mereka. Selain itu, program mobiliti ini adalah berfokuskan nilai tambah (dalam konteks pemodenan dan strategi pengantarabangsaan institusi yang terlibat)

Antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang program tersebut adalah :

- Melawat Universiti Malaysia Kelantan;
- Berhubung dengan budaya dari Malaysia;
- Pengalaman dalam persekitaran antarabangsa; dan
- Memperoleh pengetahuan dan maklumat tentang bentuk pengantarabangsaan UMK

Hasil dan impak program yang akan dijangkakan dalam pembangunan professional kakitangan adalah memberi pendekatan disiplin, kerjasama antara Universiti dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang betul.



LEADING FOR IMPACT: TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP SKILLS FOR PUBLIC SERVICE HELD IN MANILA, PHILIPPINES

Projek perundingan dan latihan kepada pegawai daripada pelbagai kementerian Malaysia telah diadakan pada 22 hingga 30 Julai 2023 di Manila Lotus Hotel, Filipina. Impak daripada program Leading for Impact: Transformational Leadership Skills for Public Service akan menggalakkan dan memberi inspirasi kepada pekerja yang berinovasi dan membangunkan cara baharu untuk mengembangkan dan menambah baik laluan ke arah kejayaan masa depan.

Selain itu, program ini juga mendedahkan kepada peserta dari segi idea dan strategi baharu untuk meningkatkan produktiviti kerja, keupayaan untuk mengawal situasi dengan menyampaikan visi yang jelas tentang matlamat yang ingin dicapai, perancangan digital untuk mengukuhkan organisasi serta melengkapkan peserta dengan kemahiran teknologi untuk meningkatkan produktiviti peribadi.





KEUSAHAWANAN

The 11th INTERNATIONAL CONFERENCE ON ENTREPRENEURSHIP, BUSINESS & TECHNOLOGY (InCEBT 2023)

"GEARING TOWARDS SUSTAINABLE FUTURE THROUGH INNOVATIONS IN TECHNOLOGY & RESEARCH"

HYBRID CONFERENCE | 14TH - 15TH OCTOBER 2023

 incept.umk.edu.my | incept.com



THE 11TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON ENTREPRENEURSHIP, BUSINES AND TECHNOLOGY 2023 (INCEBT 2023) FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

Program ini merupakan satu aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), UMK. Bersem pena dengan penganjuran kali ke-10, perkataan seminar dalam International Seminar on Entrepreneurship, Business and Technology (ISEBT) telah dijenamakan semula kepada International Conference on Entrepreneurship, Business and Technology (InCEBT) bagi menarik lebih ramai penyertaan dari dalam dan luar negara. Program InCEBT dijalankan secara fizikal dan atas talian pada 14 hingga 15 Oktober 2023 di The Everly Hotel, Putrajaya.

Program ini bertujuan memperkenalkan UMK kepada para penyelidik dan pensyarah dari dalam dan luar negara disamping mewar-warkan bahawa keusahawanan dan perniagaan adalah salah satu bidang tujahan universiti. Selain daripada itu, program ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran terkini dalam bidang keusahawanan, perniagaan dan teknologi bagi menjalinkan hubungan kerjasama antara UMK dan institusi antarabangsa, meningkatkan bilangan penerbitan dalam Buku Suntingan (prosiding) dan juga Jurnal berindeks Scopus.

Persidangan kali ke-10 ini berjaya menjana pendapatan kepada FKP sebanyak RM38,497.00. Sehubungan dengan sambutan yang amat menggalakan diatas sepuluh penganjuran yang telah diadakan, FKP sekali lagi mengambil inisiatif penganjuran kali ke-11 secara fizikal dan dalam talian.

Pada sesi terakhir persidangan, seramai 6 orang peserta telah dianugerahkan Best Paper Award dan 14 orang peserta telah dianugerahkan Best Presenter Award yang terdiri pelbagai sub-bidang seperti keusahawanan, pemasaran, keusahawanan digital, perniagaan dan pengurusan, perakaunan, peluang dan risiko dan keusahawanan sosial.

Sebagai menghargai prestasi terbaik diantara pemenang-pemenang anugerah persidangan dalam penulisan dan pembentangan, anugerah khas The Most Outstanding Paper dan The Most Outstanding Presenter telahpun diberikan kepada tiga pemenang anugerah.

Kesemua kertas persidangan yang terpilih akan diterbitkan dalam jurnal berindeks MyCite dan Scopus serta dalam "Proceedings" yang berindeks Scopus.





Bengkel

WHATSAPP UNTUK BISNES (ASAS)

FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

29 JULAI 2023 (SABTU) | 08.30 PAGI - 05.00 PETANG | UMK KAMPUS KOTA

YURAN PENYERTAAN
RM50/PESERTA
RM20/PELAJAR
*E-SIJIL DISEDIAKAN



PEMBAYARAN
Maybank
553038019271
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

HUBUNGI
011 11828269
DR. YUSMAZIDA BINTI MOHD YUSOFF



FKP

BENGGKEL WHATSAPP UNTUK BISNES (ASAS)

Bengkel WhatsApp untuk Bisnes (Asas) adalah anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) yang telah diadakan pada 29 Julai 2023 dan 5 Ogos 2023 di Bilik Mesyuarat Senat, UMK Kampus Kota

Tujuan bengkel ini adalah untuk memberi kefahaman akan kepentingan aplikasi WhatsApp untuk Bisnes (WAB) mengikut data global, sembilan kefungsiannya, pelbagai aplikasi teks, sticker, broadcast serta penggunaan wasapmy bagi memperoleh data pelanggan dengan lebih mudah. Manakala Bengkel WhatsApp untuk Bisnes (Pertengahan) bertujuan memberi pendedahan tentang URL shorteners, landing page, payment gateway, sistem pengkalan data pelanggan dan borang WhatsApp Business.

Impak bagi program ini adalah memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari ilmu yang baru dalam pendigitalan bisnes secara praktikal sehingga selesai sesi dan seterusnya mengaplikasikan ilmu yang diperolehi mengikut keperluan masing-masing.

Melalui bengkel ini juga, memberi pengalaman dan inspirasi pada peserta yang belum pernah menjejakkan kaki ke UMK Kampus Kota dengan pengalaman pembelajaran yang kondusif. Kebanyakannya tidak mengetahui berkaitan dengan bengkel seumpama ini disediakan oleh pihak FKP. Justeru, membuka peluang dan ruang bagi kerjasama di antara akademik dan pihak industri bagi program-program seterusnya. Selain itu, peserta dapat berkenalan dan berkongsi pengalaman antara satu sama lain tidak mengira usia dan latarbelakang.

CARA DOWNLOAD STICKER





KONVENSYEN INOVASI SOSIAL (KIS) 2023

Seramai tiga (3) orang pensyarah FIAT dengan bantuan daripada alumni/ pelajar FIAT telah menyertai program Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2023 pada 4 sehingga 6 Julai 2023, bertempat di Menara MARA, Kuala Lumpur.

Produk Gummies incorporated with Edible's Bird Nest telah mendapat Anugerah Khas CIS@KIS 2023. Selain itu juga, dua (2) orang alumni FIAT telah terpilih sebagai penerima Anugerah Belia Inovasi Sosial MyIS Perintis iaitu Saudari Nur Amira binti Azmi (produk Moktey) dan Saudari Nur Dini Dayana binti Zamzuri (produk Melon Lotion)

CABARAN INOVASI SOSIAL 2023

FIAT

HADIAH KHAS CIS@KIS 2023

Produk Inovasi:
GUMMIES INCORPORATED WITH EDIBLES BIRD'S NEST

IPT:
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)



PROGRAM KEUSAHAWANAN: UNIVERSITY TO COMMUNITY (UTC) 2.0

Pasukan Coolat D'Jeli dianggotai oleh 4 orang pelajar FIAT dan Dr. Noor Hafizoh binti Saidan, selaku penyelia pasukan tersebut telah memperoleh dana sebanyak RM 20,000.00 bagi Program Keusahawanan: University to Community (UTC) 2.0. Dana diterima ini akan dapat memajukan pengoperasian pasukan Coolat D'Jeli ini, dan dapat membangunkan produk hiliran berasaskan cendawan.



BENKEL MOBILEGRAPHY – TEKNIK FOTOGRAFI SMARTPHONE

Bengkel Mobilegraphy (Teknik Fotografi Smartphone) adalah anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah berlangsung pada 22 Julai 2023 (Sabtu) di Bilik Mesyuarat Senat, Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan.

Bengkel diadakan bertujuan memberi pendedahan tentang teknik menghasilkan gambar dan video yang betul dan menarik dengan menggunakan beberapa jenis komposisi kamera. Peserta juga dapat menyunting video yang telah diambil menggunakan aplikasi yang terkini. Bengkel ini dilaksanakan secara bersemuka di UMK Kampus Kota dan merupakan program berteraskan keusahawanan yang diadakan di FKP yang terbuka pada semua golongan. Peserta adalah terdiri daripada pelajar, staf dan usahawan.

Impak daripada program ini adalah peserta yang terdiri daripada pelbagai golongan seperti pelajar, staf dan usahawan telah berjaya menyertai program ini dan hadir secara fizikal ke Kampus Kota, UMK iaitu pada 22 Julai 2023. Selain itu, bengkel ini berjaya menjana pendapatan UMK Pencapaian ini telah memberi peluang dan ruang untuk meneruskan program ini pada masa akan datang.

Bengkel
MOBILEGRAPHY -
TEKNIK FOTOGRAFI SMARTPHONE (ASAS)
FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

22 JULAI 2023 (SABTU) | UMK KAMPUS KOTA
08.30 PAGI - 05.00 PETANG

YURAN PENYERTAAN
RM50/PESERTA
RM20/PELAJAR
*E-SIJIL DISEDIAKAN

PEMBAYARAN
Maybank
553038019271
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

HUBUNGI
011 11828269
DR. YUSMAZIDA BINTI MOHD YUSOFF

<https://bit.ly/fkp-mobilegraphy2023>



BENKEL GOOGLE MY BUSINESS (ASAS)

Bengkel Google My Business (Asas) adalah anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) pada 21 Julai 2023 (Jumaat) secara fizikal di Bilik Mesyuarat Senat, Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan.

Tujuan bengkel ini adalah memperkenalkan salah satu alat pemasaran digital bagi mempromosikan perniagaan dalam talian dan mendapat visibility yang tinggi di carian Google. Bengkel ini merupakan program berteraskan keusahawanan yang terbuka pada semua golongan. Peserta program ini adalah terdiri daripada pelajar, staf dan usahawan.

Impak bagi program ini adalah Bengkel Google My Business (Asas) telah berjaya memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari ilmu yang baru dalam pendigital bisnes secara praktikal sehingga selesai sesi. Selain itu, mengaplikasikan ilmu yang diperoleh mengikut keperluan masing-masing.

Peserta telah berjaya mendaftarkan perniagaan mereka dalam akaun carian google yang sangat memudahkan pelanggan. Rata-rata mengatakan walaupun ianya cuma peringkat asas, tetapi ilmu yang diperoleh sangat berguna kerana bengkel seumpama ini kurang didedahkan pada umum.

Melalui bengkel ini juga, memberi pengalaman dan inspirasi pada peserta yang belum pernah menjejakkan kaki ke UMK Kampus Kota dengan pengalaman pembelajaran yang kondusif. Kebanyakannya tidak mengetahui berkaitan dengan bengkel seumpama ini disediakan oleh pihak FKP. Justeru, membuka peluang dan ruang bagi kerjasama di antara akademik dan pihak industri bagi program-program seterusnya.

Selain itu, peserta dapat berkenalan dan berkongsi pengalaman antara satu sama lain tidak mengira usia dan latar belakang. Bengkel ini berjaya menjana pendapatan) sebagai tujuan promosi kali pertama. Pencapaian ini telah memberi peluang dan ruang untuk meneruskan program ini pada masa akan datang.





PELAJAR

KURSUS KPT PACE MELIBATKAN KURSUS USAHAWAN DRON PERTANIAN DAN KURSUS PROFESSIONAL CERTIFICATES IN AGRICULTURE SUSTAINABILITY AND GOOD GOVERNANCE



FIAT



FIAT telah berjaya menganjurkan dua (2) program KPT Pace dalam bulan Julai sehingga September 2023. Kursus KPT Pace tersebut ialah kursus Usahawan Dron Pertanian dan kursus Professional Certificates in Agriculture Sustainability and Good Governance. Seramai 200 orang pelajar FIAT telah terlibat dengan program berkenaan, yang mendapat kepakaran dan tunjuk ajar daripada pihak industri.





MAJLIS PENGANUGERAHAN DAN PERASMIAN PENUTUP PROGRAM PENJANA KPT-PAGE PENSIJILAN PROFESIONAL MICROSOFT POWER BI DATA ANALYST

Universiti Malaysia Kelantan (UMK), melalui Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) dengan kerjasama Institusi Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG) hari ini menyerahkan sijil tamat program Pensijilan Profesional Microsoft Power BI Data Analyst kepada 100 orang pelajar UMK termasuk 3 orang pelajar antarabangsa bersempena Majlis Penganugerahan dan Perasmian Penutup Program Penjana KPT-PAGE Pensijilan Profesional Microsoft Power BI Data Analyst yang diadakan di The Grand Gerai Hotel, Kota Bharu, Kelantan pada 5 Ogos 2023.

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad yang diringi oleh Dekan FSDK, Dr. Hasyiya Karimah binti Adli dan Timbalan Dekan FSDK, Ts. Dr. Hadhrami bin Ab Ghani. Turut hadir, Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni, YBr. Prof. Madya Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof dan Pengarah Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG), Dr. Muhammad Akmal bin Remli.

Pelajar tahun 3 dan 4 daripada ketiga-tiga kampus UMK yang menyertai program ini telah berjaya menamatkan modul Microsoft Power BI Data Analyst (PL-300) yang diadakan selama 4 hari iaitu pada 1 hingga 4 Ogos 2023 di UMK Kampus Kota.

Sepanjang program tersebut, pelajar dibimbing oleh fasilitator yang dilantik terdiri daripada pensyarah FSDK yang mempunyai kepakaran dalam bidang analitik data. Pelajar didedahkan dengan penggunaan teknik menganalisis data dan mentransformasi set data untuk mendapatkan informasi yang lebih terperinci dalam menyediakan visualisasi data yang menarik serta penyediaan laporan yang lebih berinteraktif dengan menggunakan Dashboard Microsoft Power BI.



BOOTCAMP 3u1i (FLY HIGH THE APPRENTICE 3u1i 2023)

Program akademik Apprentice 3u1i menggabungkan pembelajaran akademik dan aplikasi pembelajaran sebenar di tempat kerja. Ia bermatlamat untuk meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman (experiential learning) yang secara efektifnya dapat diterokai di luar kampus atau di industri di mana pengalaman kerja sebenar dapat disediakan oleh pihak yang berkaitan.

Bagi menghasilkan graduan yang mempunyai kualiti yang diperlukan oleh industri, Fly High Apprentice 3u1i ini memainkan peranan sebagai platform terbaik untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang cabaran yang perlu mereka jangkakan apabila berada dalam situasi pekerjaan sebenar. Selain itu, menghasilkan pelajar yang bersifat holistik, peka kepada permasalahan, bercirikan keusahawanan dan mampu menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif.

Fly High Apprentice 3u1i memberikan pengalaman secara aktif dan konstruktif dalam meningkatkan atribut graduan yang ingin dihasilkan melalui program ini iaitu berkeyakinan diri, inovatif dan kreatif, profesional dan memiliki kemahiran berkomunikasi yang baik.




PROGRAM DOCTORATE SUPPORT GROUP (SIRI 1)

Program Doctorate Support Group (DSG) Siri 1 merupakan inisiatif Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dalam meningkatkan kadar Graduate on Time (GOT) bagi pelajar pascasiswazah.

Program ini merupakan program yang telah dilaksanakan pada 10 hingga 11 Ogos 2023 di Tanjung Demong Beach Resort dan telah diadakan secara intensif bagi membantu pelajar pascasiswazah yang lemah dalam penulisan artikel dan tesis. Program ini merupakan kaedah yang dilaksanakan secara mentor-mentee yang mana mentor akan membantu pelajar dalam penulisan artikel dan tesis secara ekspres melibatkan pelajar antarabangsa dari China

Impak program yang telah dijalankan adalah pelajar dapat memahami teknik penulisan tesis mereka khususnya bagi Chapter 1-3 bagi penyediaan Proposal Defense



PROGRAM DOCTORATE SUPPORT GROUP (SIRI 2)

Program Doctorate Support Group (DSG) Siri 2 merupakan inisiatif Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dalam meningkatkan kadar Graduate on Time (GOT) bagi pelajar pascasiswazah. Program telah diadakan pada 14 Ogos 2023 secara fizikal di MGSEB Entrepreneurial Lab.

Program ini merupakan program yang akan dilaksanakan secara intensif bagi membantu pelajar pascasiswazah yang lemah dalam penulisan artikel dan tesis. Program ini merupakan kaedah yang dilaksanakan secara bengkel iaitu perkongsian dalam teknik penulisan artikel dari penceramah jemputan iaitu Prof. Madya Dr. Wan Mohd Faizal Bin Wan Ishak dari FBKT melibatkan para pelajar dari Indonesia (UMRI)





AKTIVITI

EMPOWERING WOMEN IN TECH: BREAKING BARRIERS, BUILDING SUCCESS, JAKARTA, INDONESIA



Dr. Hasyiya Karimah Adli, Dekan Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) telah dijemput sebagai penceramah dalam program ini yang dilaksanakan secara fizikal di Jakarta, Indonesia.

Pakar-pakar lain dari Saigon A.I, Rangkaian Usahawan Wanita ASEAN, Microsoft Asia, Singapura dan lain-lain juga dijemput untuk membincangkan tentang berat sebelah gender dalam Kepintaran Buatan (AI) untuk mewujudkan perbincangan yang bermanfaat dalam isu ini.

Dalam perkongsian pada 22 September 2023 ini, Dr. Hasyiya Karimah menyatakan peluang emas untuk mentakrifkan semula pembangunan inklusif bagi rantau ini dengan meningkatkan standard untuk data dan AI beretika melalui usaha kolaboratif yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.

Ini disebabkan pembangunan inklusif bertujuan untuk memastikan bahawa faedah pertumbuhan ekonomi dan kemajuan teknologi boleh diakses oleh semua orang, tanpa mengira jantina, etnik atau status sosioekonomi mereka. Malah, dengan menetapkan piawaian yang lebih tinggi untuk data dan AI beretika melalui pendekatan pelbagai pihak, ia akan menyumbang kepada masa depan digital yang lebih mudah diakses oleh semua pengguna.

Kemudian, Dr. Hasyiya Karimah turut menekankan tentang peranan FSDK & AIBIG di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam menangani ketaksamaan gender global dalam bidang digital melalui sesi latihan dan bengkel AI biasa



Speaker's Profile:

Dr. Hasyiya Karimah Adli

Founding Dean, Faculty of Data Science and Computing, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

Microsoft Certified Trainer

Actively involved in AI and digital training and workshops

Philosophy, Ph.D., Osaka University, Japan



INTERNATIONAL TEACHING ENHANCEMENT & LEARNING INNOVATION CARNIVAL (iTeLIC) 2023

International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023 adalah satu pertandingan peringkat UMK yang mempromosikan dan meneroka amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran. Pertandingan iTeLIC 2023 merupakan pertandingan yang dianjurkan secara tahunan di UMK dan bertujuan mengetengahkan perkongsian idea, pengalaman dan inovasi terkini daripada pendidik global yang bersemangat dalam membuat penambahbaikan berterusan dalam e-pembelajaran. iTeLIC 2023 telah berlangsung pada 25 hingga 26 September 2023 di Dewan MBK Kuantan, Pahang.

IHEKs adalah satu kit interaktif yang telah direka khas untuk memupuk sikap dan amalan yang baik terhadap pemakanan sihat dalam kalangan pelajar universiti, yang akhirnya akan memberi manfaat untuk kehidupan sihat mereka pada masa hadapan. Melalui kit ini, pelajar didedahkan kepada pembelajaran dan aktiviti interaktif yang berkaitan dengan faedah dan panduan dalam mengamalkan amalan pemakanan sihat. Di samping itu, IHEKs berpotensi untuk dilaksanakan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan utama dalam mempromosikan pilihan makanan yang sihat.

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang yang berjaya merangkul anugerah Gold, Silver dan Bronze mewakili Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan.

iTeLIC '23 International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2023

Universiti Malaysia KELANTAN

Congratulations!

to all winners from the
Faculty of Hospitality, Tourism and Wellness

Gold
Campus-Away Approach: Hyflex Learning for Industry Mode Program
Siti Salina Saidin*, Raja Norliana Raja Omar, Nur Farihin Abd Hadi Khan, Aikal Liyani Mohd, Rasdi, Roslizawati Che Aziz
Development of interactive healthy eating kits (IHEKs): A practical tools for promoting healthy eating practice
Ahmad Faezi bin Ab Rashid, Nor Dalila Marican, Norsyamiina Che Abdul Rahim, Siti Fatimah Ab Ghaffar & Mohd Hafzal Abdul Halim

Silver
Developing an instrument an to measure psychomotor learning in flexi mode (The traditional and virtual classrooms) for hospitality students in Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Derweana Bah Simpung, Nur Azimah Othman, Hazzyati Hashim & Nadzirah Bt Mohd Said.
Exploring the metaverse: Unleashing entrepreneurial education
Fadhilahanim Aryani Abdullah & Aikal Liyani Mohd Rasdi

Bronze
Developing of an art-based teaching module for therapeutic reflexology practical learning
Nor Dalila Marican



Universiti Malaysia KELANTAN FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN

IUCEL 2023
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2023
25th - 26th SEPTEMBER 2023
DEWAN MBK Kuantan, PAHANG

Tahniah

DEVELOPMENT OF INTERACTIVE HEALTHY EATING KITS (IHEKs): A PRACTICAL TOOLS FOR PROMOTING HEALTHY EATING PRACTICE

Ketua kumpulan & ahli
AHMAD FAEZI AB. RASHID,
NOR DALILA MARICAN,
NOR DALILA MARICAN,
NOR DALILA MARICAN,
NORSYAMIINA CHE ABDUL RAHIM,
SITI FATIMAH AB. GHAFFAR,
SITI FATIMAH AB. GHAFFAR,
SITI FATIMAH AB. GHAFFAR,
MOHD HAFZAL ABDUL HALIM

90 **BRONZE**

Universiti Malaysia KELANTAN FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN

IUCEL 2023
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2023
25th - 26th SEPTEMBER 2023
DEWAN MBK Kuantan, PAHANG

Tahniah

THE HYFLEX INDUSTRY CAMPUS-AWAY MODE PROGRAMME: HICAMP (2u2a) APPRENTICE

Tajuk
**NUR FARIHIN BINTI ABD HADI KHAN,
YM RAJA LIANA RAJA OMAR, SITI SALINA SAIDIN,
AIKAL LIYANI MOHD RASDI & ROSLIZAWATI CHE AZIZ**

Ketua kumpulan & ahli

SILVER

PENYERTAAN AHLI JABATAN DALAM PERTANDINGAN CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION (CRI 2023)

Pada 29 hingga 30 May 2023, telah berlangsungnya Pertandingan Carnival of Research and Innovation (CRI 2023) di UMK Bachok. Pertandingan ini adalah yang pertama pameran dan pertandingan peringkat universiti untuk menyediakan platform dan peluang kepada penyelidik untuk mempamerkan produk penyelidikan dan inovasi mereka.

Program ini telah dipromosikan sebagai program unggul universiti yang akan dianjurkan oleh pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi setiap tahun. Program itu mengumpulkan penyelidik dari universiti awam dan swasta serta pemain industri, kolej, politeknik dan sekolah di satu tempat untuk bersaing merebut anugerah dalam pelbagai bidang. "Memperkasakan Masyarakat Melalui Inovasi dan Keusahawanan" akan menjadi tema program tahun ini di mana menyasarkan untuk memperkasakan masyarakat melalui penyelidikan, inovasi dan keusahawanan. Tahniah diucapkan kepada Encik Mohd Azri Mohd Jain Noordin yang merupakan pemenang (Kategori Perak).



PENYERTAAN AHLI JABATAN DALAM PERTANDINGAN INTERNATIONAL UNIVERSITY CARNIVAL ON E-LEARNING (IUCEL)

Pada 25 hingga 26 September 2023, telah berlangsungnya Pertandingan International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2023 di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK). Karnival Universiti Antarabangsa mengenai E-Pembelajaran (IUCEL) kekal sebagai platform yang mempromosikan dan meneroka amalan global dalam aplikasi e-pembelajaran merentas pelbagai institusi pembelajaran di seluruh dunia.

Tema "Memperkasakan Masyarakat Melalui Pendidikan 5.0" mengundang pengalaman perkongsian daripada pelbagai penyertaan pendidik global yang bersemangat dalam membuat penambahbaikan berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penganjuran IUCEL 2023 bertujuan untuk mempromosikan, meneroka dan berkongsi amalan terbaik dan kepakaran global dalam e-Pembelajaran di semua peringkat institusi pembelajaran dari seluruh dunia. Tahniah diucapkan kepada Dr. Nor Diyana Binti Mustapa (Kategori Perak) merupakan pemenang dari ahli jabatan Senibina Dalaman.

PAMERAN LUKISAN TERUKUR 2023: BANGUNAN DATO' KAYA BUDI, TUMPAT, KELANTAN

Program pameran lukisan terukur ini merupakan inisiatif untuk memanfaatkan seni bina sebagai platform untuk mempromosikan program pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kepada orang awam.

Bahan pameran ini adalah hasil kerja pelajar bagi kursus SGA2393 – Warisan Kesenibinaan I (Lukisan Terukur) yang dipamerkan di American Corner, Perpustakaan UMK, Kampus Bachok pada 25 September 2023.

Program ini juga bertujuan untuk menarik minat pelajar-pelajar dari institusi pengajian lain untuk menyambung pelajaran ke UMK. Pameran ini akan berlangsung selama sebulan di perpustakaan universiti dan dijangka akan menarik perhatian pelajar, staf, dan masyarakat umum yang datang melawat. Pameran terbuka ini adalah peluang baik untuk mempromosikan program Senibina serta memberikan gambaran kepada orang awam tentang program ini.

FSE



PROGRAM PENILAIAN DAN PAMERAN KURSUS REKABENTUK PERABOT SEMESTER FEBRUARI 2022/2023 PROGRAM SGD

Pada 20 Julai 2023, telah diadakan Program Penilaian dan Pameran Kursus Rekabentuk Perabot Semester Februari 2022/2023 bagi Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalam dengan Kepujian di Fakulti Senibina dan Ekistik, UMK Bachok. Acara ini dihadiri oleh semua pelajar semester empat yang melibatkan tiga panel jemputan dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW).

Acara ini bukan sekadar platform untuk menilai hasil kerja pelajar, tetapi juga membuka peluang untuk mempamerkan bakat, kreativiti, dan pencapaian mereka dalam bidang rekabentuk perabot. Pameran ini menampilkan projek-projek inovatif dan kreatif yang dihasilkan oleh pelajar sepanjang semester. Program tersebut berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Program ini juga melibatkan panel penilai pakar industri yang memberikan sesi berkongsi pengalaman, tren terkini, dan cabaran dalam industri rekabentuk perabot. Pelajar mendapat peluang yang bernilai untuk mendengar dan bertanya soalan kepada pakar-pakar ini, membuka mata mereka terhadap realiti industri dan memahami keperluan pasaran.

Di akhir program penilaian dan pameran ini, beberapa anugerah kecemerlangan diberikan seperti Best Design Students, Best Poster Students dan Panel Awards.



PROGRAM INTERNAL AND EXTERNAL ASSESSMENT DAY (INEX DAY) DAN PENILAIAN PROGRAM SULAM SEMESTER FEBRUARI 2022/2023 PROGRAM SGD PROGRAM SGD

Pada 23 hingga 27 Julai 2023, telah diadakan Program Internal and External Assessment Day (INEX Day) Semester Februari 2022/2023 Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian di Fakulti Senibina dan Ekistik, UMK Bachok.

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan input kepada pelajar mengenai reka bentuk seni bina dalaman oleh panel jemputan luar yang terdiri dalam kalangan ahli akademik dan profesional industri yang berpengalaman.

Program tersebut berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang yang melibatkan pelajar-pelajar daripada pelbagai semester dan semua pensyarah jabatan. Program ini memberikan pandangan panel perkongsian dan input tentang perkembangan terkini dalam reka bentuk seni bina dalaman serta memberikan motivasi kepada pelajar untuk menjadi pereka bentuk senibina dalaman yang berjaya. Program ini juga bertujuan untuk memupuk minat yang lebih mendalam terhadap bidang senibina dalaman dalam kalangan pelajar. Di akhir pertandingan ini, beberapa anugerah kecemerlangan diberikan seperti Anugerah Best Design, Best Students, Potential Students, Best Attitude Students, Best Dress Code And Athecate Students, Best Leadership Students dan Panel Awards.

PROGRAM SULAM BAGI KURSUS SGD4318 STUDIO REKABENTUK SENIBINA DALAMAN VI (RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN) PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SENIBINA DALAMAN DENGAN KEPUJIAN BERSAMA PIHAK SUDARA BEACH RESORT & SEKSYEN PENGURUSAN RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN, BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH - JABATAN PERDANA MENTERI (BPH) DI BACHOK SEMESTER FEBRUARI 2022/2023

FSE



Pada 25 Julai 2023, telah diadakan Program SULAM bagi Kursus SGD4318 Studio Rekabentuk Senibina Dalaman VI (Rumah Peranginan Persekutuan) Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian di Fakulti Senibina dan Ekistik, UMK Bachok. Program SULAM bagi Kursus SGD4318 Studio Rekabentuk Senibina Dalaman VI (Rumah Peranginan Persekutuan) merupakan inisiatif terkini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti.

Program ini diadakan dalam kerjasama dengan pihak Sudara Beach Resort dan Seksyen Pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan, Bahagian Pengurusan Hartanah - Jabatan Perdana Menteri (BPH) di Bachok. Tujuannya adalah untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang menghubungkan teori dan praktis dengan penyelesaian permasalahan sebenar dalam komuniti serta mengamalkan nilai-nilai murni. Program ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada projek akhir kursus pelajar tahun tiga jabatan Senibina Dalaman, iaitu projek reka bentuk rumah peranginan persekutuan.

Program tersebut berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang yang melibatkan pelajar-pelajar daripada semester enam dan semua pensyarah jabatan. Program ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menghubungkan teori dan praktis dalam reka bentuk rumah peranginan persekutuan serta mendapatkan input dan pengalaman daripada pakar industri. Program ini juga memberikan peluang kepada pelajar untuk menilai kefahaman mereka dalam projek reka bentuk mereka. Keseluruhan, program SULAM telah memberikan manfaat yang besar kepada pelajar dalam meningkatkan pemahaman dan pengalaman mereka dalam reka bentuk senibina dalaman.

MAJLIS MAKAN MALAM PERHIMPUNAN INTERIA SESI FEBRUARI 2022/2023

FSE

Pada 28 Julai 2023 telah diadakan Majlis Makan Malam Perhimpunan Kelab Pelajar Jabatan-INTERIA sesi Februari 2022/2023 Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian di Anjung Rebana Restoran, Kota Bharu. Program ini bertujuan untuk meraikan pelajar tahun akhir kohort empat yang akan tamat tidak lama lagi. Program tersebut berlangsung dari jam 8.00 hingga 11.00 malam yang melibatkan pelajar-pelajar daripada pelbagai semester, semua pensyarah jabatan dan beberapa pihak industri.

Tujuan utama majlis ini diadakan untuk meraikan pencapaian pelajar tahun akhir yang akan tamat tidak lama lagi. Selain itu, program ini turut diwujudkan untuk mengiktiraf dan meraikan kecemerlangan pelajar sepanjang semester, memberi dorongan kepada mereka untuk terus berusaha dalam bidang Senibina Dalaman. Selain daripada merayakan kejayaan pelajar, majlis ini juga menjadi platform untuk memperluaskan rangkaian sosial dan profesional pelajar bersama pihak industri. Hal ini seterusnya dapat membuka peluang masa depan dan menguatkan hubungan antara dunia pendidikan dan industri.

Diharapkan Majlis Makan Malam Perhimpunan INTERIA ini memberikan inspirasi kepada pelajar untuk terus cemerlang dalam bidang Senibina Dalaman. Kejayaan mereka sepanjang semester adalah satu pencapaian yang patut diraikan dan semoga mereka terus berjaya dalam pelbagai cabaran yang bakal dihadapi dalam kerjaya mereka. Di akhir majlis ini, beberapa anugerah diberikan iaitu, Anugerah Kecemerlangan Pelajar, Anugerah Persembahan Pelajar dan Hadiah Cabutan Bertuah.





MICROSOFT CERTIFIED: POWER BI DATA ANALYST

Latihan Microsoft Certified: Power BI berjaya dianjurkan oleh Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG) pada 1 hingga 5 Ogos 2023. Latihan ini telah disertai oleh 100 pelajar dari UMK Kampus Bandar, Bachok dan Jeli dan telah diadakan di Auditorium UMK Kampus Kota.

Untuk makluman, Microsoft Power BI ialah perisian perniagaan yang berkuasa dan alat visualisasi data yang dibangunkan oleh Microsoft. Ia membolehkan pengguna menyambung kepada pelbagai sumber data, mengubah dan membentuk data serta membuat laporan dan papan pemuka interaktif untuk analisis data. Power BI menawarkan antara muka mesra pengguna yang membolehkan pengguna teknikal dan bukan teknikal bekerja dengan data dengan berkesan.

Secara keseluruhan, Microsoft Power BI digunakan secara meluas oleh perniagaan dan profesional untuk menganalisis data, menjana cerapan dan membuat keputusan berdasarkan data. Ia memenuhi keperluan pelbagai pengguna, daripada individu dan perniagaan kecil kepada perusahaan besar.

Tahniah kepada semua peserta yang mengambil bahagian dalam latihan ini dan terima kasih khas kepada tenaga pengajar kami, Dr. Hasyiya Adli dan Ts. Dr. Hadhrami Ab. Ghani . Terima kasih yang tidak terhingga kepada fasilitator kami Ts.Dr. Marianne Leong, Ts. Dr Nor Alina Ismail, Dr Fakhitah Ridzuan, Dr NurZulaikha Mahd Abd Lah dan akhir sekali En. Khairul Nizar Syazwan atas sumbangan dan sokongan kepada latihan ini.



TAKLIMAT BERSAMA PUSAT PENGAJIAN ASASI UMK (UMK-ASCENT) SEMPENA PROGRAM SEMARAK SISWA MADANI (SELANGKAH KE UNIVERSITI)

Pada 28 Julai 2023, Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK-AsCent) telah berpeluang untuk mengadakan pameran dan taklimat bersama para pelajar daripada SMK Kutun, Pasir Pekan Kelantan dengan anggaran 400 orang pengunjung.

Program ini dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Mahasiswa Holistik dan Kepimpinan Pelajar (PPMHKP), Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK. Tujuan program ini adalah untuk berkongsi maklumat mengenai peluang akademik yang ditawarkan di UMK dan Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK-AsCent).

Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Hassan Basri bin Awang Mat Dahan, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. Program ini juga turut dihadiri oleh Naib Cancellor UMK, YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak. Semoga Program Semarak Siswa Madani (Selangkah ke Universiti) dapat meningkatkan keterlihatan Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK-AsCent) pada masyarakat tempatan..



LIVE BERSAMA PUSAT PENGAJIAN ASASI UMK (UMK-ASCENT) SEMPENA PROGRAM UMK@SCHOOL: ROAD2UMK

UMK-AsCent

Pada 31 Julai 2023, segmen bersama Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK-ASCENT) telah diadakan secara dalam talian (Live) sempena Program UMK@SCHOOL:ROAD2UMK.

Tujuan program ini adalah untuk menyebarkan luas maklumat terkini mengenai program pengajian yang ditawarkan di Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK-ASCENT) kepada orang awam. Program ini dimoderator oleh Dr. Aainaa Syazwani Mohd Amir Hamzah (Ketua Jabatan Sains), dan panel jemputan adalah Dr. Wong Hie Ling (Ketua Program Pra-Ijazah Sains) dan Pn. Faizatul Nadia Mohd Tahir (Ketua Program Asasi Teknologi Maklumat Huffaz). Segmen sembang santai ini juga menampilkan dua alumni Program Pra-ijazah Sains UMK untuk berkongsi pengalaman mereka sepanjang pengajian di Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK-ASCENT).

Semoga program sembang santai ini dapat meningkatkan keterlihatan Pusat Pengajian Asasi UMK (UMK-ASCENT) dan seterusnya meningkatkan permohonan kemasukan ke program-program yang ditawarkan pada masa hadapan.



SUKAN MEMANAH KEGEMARAN RASULULLAH SAW

UMK Bachok, 14 September 2023 – Sukan memanah merupakan sukan yang digemari oleh Rasulullah SAW. Sukan memanah diyakini mempunyai pelbagai kelebihan baik kepada kesihatan fizikal mahupun mental seperti membaiki kesimbangan mata dan tangan, membina kekuatan dan meningkatkan kesabaran.

Selaras dengan itu, seramai hampir 20 orang Staf Pej. TNCAA UMK telah meluangkan masa menjinakkan diri dalam sukan memanah. Satu program Jom Fit TNCAA telah diadakan dengan kerjasama Pusat Sukan UMK dengan memfokuskan kepada aktiviti memanah bertempat di Astaka UMK Bachok. Program ini telah diselia oleh Puan Nurhidayah binti Abdul Latip, Penolong Pegawai Belia dan Sukan UMK.

Program ini telah disertai oleh staf daripada bahagian-bahagian Pej. TNCAA iaitu BSP, PKPA, UMKI dan PPA.



Peserta telah diperkenalkan dengan peralatan-peralatan asas dalam sukan memanah serta diberi peluang untuk mencuba teknik dan kemahiran dalam memanah. Selain itu juga, staf juga telah diberi peluang untuk merasai simulasi kejohanan memanah lengkap dengan cara kiraan mata bagi setiap anak panah yang diberikan kepada setiap staf dalam program tersebut.

Puan Farah Asiqin binti Ali telah dinobatkan sebagai pemain terbaik setelah mengumpulkan mata tertinggi meskipun baru berjinak dalam sukan memanah ini. Semoga dengan inisiatif awal ini, staf Pejabat TNCAA yang berminat dan mempunyai bakat dalam sukan memanah ini dapat meneruskan komitmen seterusnya menyerlahkan bakat mereka pada Kejohanan Sukan Staf UA yang dijadualkan diadakan pada tahun 2024 di UMS, Sabah.



GOTONG ROYONG EKSA ZON DEWAN TUANKU CANCELOR

Bachok, 3 Ogos 2023– Satu aktiviti gotong royong telah dilakukan sebagai salah satu pengisian dalam persediaan pensijilan EKSA telah diadakan oleh staf Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bertempat di ruangan pejabat Pusat Pengurusan Akademik (PPA) di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok. Aktiviti ini bukan sahaja bermatlamatkan menyediakan ekosistem ruangan kerja yang kondusif tetapi juga sebagai salah satu usaha mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan staf Pejabat TNCAA.

Gotong royong ini merupakan salah satu pengisian dalam menyahut sasaran pensijilan EKSA di UMK dengan staf-bekerjasama melakukan aktiviti sisih dan sapu di beberapa lokasi umum Pejabat PPA, Aras 1 Dewan Tuanku Canselor. Menerusi aktiviti ini, staf menumpukan kepada aspek kebersihan dan pengurusan sistematik peralatan dan aset yang dimiliki oleh PPA dan juga BSP Pejabat TNCAA.



AUDIT DALAMAN EKSA SIRI 1 ZON DTC

Bachok, 10 Ogos 2023– Zon DTC yang meliputi staf Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bersama Pusat Pengurusan Kualiti (PPQ) telah menjalani sesi auditan dalaman EKSA siri 1 dengan jayanya pada 10 Ogos 2023 bertempat di aras 1 dan 2 Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok. Audit EKSA ini bertujuan memberi pendedahan kepada auditor dan juga sebagai galakan kepada staf lain untuk sentiasa mengamalkan persekitaran tempat kerja yang kondusif. Sesi auditan kali ini memfokuskan kepada ruangan kerja semua staf di aras 1 dan 2 Zon DTC meliputi staf PPA, BSP, PPQ dan PKPA.

Seramai lapan (8) orang auditor telah dilantik dan pemeriksaan secara silang telah dijalankan ke semua ruangan kerja. Pada penghujung sesi audit, 4 ruang kerja staf yang terbaik dari segi kekemasan, inovasi dan keselesaan telah menerima hadiah. Sesi audit ini antara lainnya bertujuan meningkatkan motivasi semua staf untuk terus mengamalkan budaya kerja unggul dengan mempraktikkan amalan-amalan terbaik dalam memastikan persekitaran kondusif seperti yang digariskan oleh amalan EKSA.



GERAK KERJA GOVERNAN PEMBANGUNAN KEPIMPINAN AKADEMIK UMK KE USM



LAWATAN GERAK KERJA GOVERNAN

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

1. Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE)
2. Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Universiti Sains Malaysia (USM)

TARIKH: 21 - 22 SEPTEMBER 2023



Satu Gerak Kerja Governan Pembangunan Kepimpinan Akademik UMK ke USM telah diadakan pada 21 hingga 22 September 2023 melibatkan Unit Kepimpinan Akademik, Bahagian Inovasi Pengajaran & Pembelajaran dan Kepimpinan Akademik (BIPPKA), PKPA bersama wakil Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) UMK.

Hadir ke lawatan gerak kerja tersebut adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Najmi bin Masri, Pengarah PKPA, YBrs. Ts. Dr. Ikarastika Rahayu binti Abdul Wahab, Timbalan Pengarah, BIPPKA, Dr. Nazahatul Anis binti Amaludin, Ketua Unit Kepimpinan Akademik, Puan Siti Norhidayah binti Mat Hussin, Penolong Pendaftar dan dan Puan Azwahanis binti Mohamad, Pembantu Tadbir (P/O). Wakil dari Pusat Komputeran Dan Informatik adalah Encik Noor Hanif Bin Noordin, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Puan Siti Hajar Binti Alaf Din, Pegawai Teknologi Maklumat dan Encik Ahmad Hakimi Bin Mohd Yasim, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat.

Program berobjektifkan perkongsian idea daripada segi kepakaran, pengalaman serta kemahiran dari universiti yang berpengalaman luas dalam perancangan dan pelaksanaan unit latihan dan kepimpinan staf akademik adalah perlu bagi memperhalusi proses kerja sedia ada, halatuju bagi gerak kerja pendigitalan proses dan juga pembangunan modul bengkel penyeliaan program pascasiswazah bagi rujukan untuk digunapakai di UMK. Antara pusat yang terlibat dalam sesi lawatan gerak kerja governan tersebut adalah Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM.



MAJLIS PENUTUP PROGRAM MOBILITI ASSYARQIYAH UNIVERSITI OMAN

Majlis penutup program Mobiliti Assyarqiyah Universiti Oman telah dijalankan pada 27 Ogos 2023 di Fakulti Perubatan Veterinar, Padang Tembak



FPV RESEARCH SYMPOSIUM; ADVANCEMENT IN VETERINARY AND ANIMAL SCIENCES

FPV telah menganjurkan symposium veterinar yang pertama pada 27 September 2023. Seramai 200 orang veterinarawan, pelajar pascasiswazah serta pensyarah telah terlibat dalam program ini.



Tahniah

 PROF. MADYA DR. NOORUL AZWIN MD NASIR FKP		 PROF. MADYA DR. NOOR AZLINA IBRAHIM FBKT				
 MURSHIDAH MOHD ASRI FPV	 DR. GOH SOON HENG FPV	 DR. RUHIL HAYATI HAMDAN FPV	 AHMAD FAEZI AB. RASHID FHPK	 DR. FAKHITHAH RIDZUAN FSDK	 NUR HAFEZAH HUSSEIN PKPA	 MOHAMMAD SYUKRAN BIN KAMAL RUZZAMAN FTKW

CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE AND DEVELOPMENT (CAED)
THE OFFICE OF THE DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)

Official IUCEL 2023 Partner

105

KURSUS TEKNOLOGI AGROMAKANAN TANAMAN JANGKA PENDEK SIRI 1

Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama daripada Kolej Universiti Agrosains Malaysia telah menganjurkan Kursus Teknologi Agromakanan Tanaman Jangka Pendek Siri 1. Seramai 20 orang peserta telah menyertai kursus ini, yang mendedahkan ilmu pengetahuan dalam bidang Fertigasi IOT, Tisu Kultur, Pembangunan Produk Hiliran dan Perniagaan Tani kepada semua peserta terlibat.

JELITA
Job Empowerment by Learning & Inclusive Technical Advancement
TVET WANITA
Dari Wanita Untuk Wanita

KURSUS TEKNOLOGI AGROMAKANAN

24 - 27 SEPT | UMK, KAMPUS JELI

- PENGURUSAN PERNIAGAAN TANI
- PRAKTIKAL FERTIGASI IOT
- TISU KULTUR
- PENYEDIAAN PRODUK HILIRAN & MAKANAN
- TREND & INOVASI PRODUK
- ASAS PERNIAGAAN
- PEMASARAN STRATEGIK
- KIT IOT PERCUMA
- PESERTA DARI NEGERI KELANTAN DIUTAMAKAN

KURSUS PERCUMA
-Wanita wadengnaga berumur 16 tahun dan keatas.
-Rengginapi makan dan minum disediakan
-Keutamaan kepada masyarakat luar bandar.
-Tempat adalah terhad.

HUBUNGI KAMI
+6 019 415 0311
Adi
+6 013 470 8094
Dr. Foiz
tvet@ucam.edu.my

TEKNOLOGI AGRO
TEKNOLOGI AGRO
TEKNOLOGI AGRO

DAFTAR SEKARANG



PROGRAM 4TH ASIA PACIFIC REGIONAL CONFERENCE ON FOOD SECURITY (ARCOFS 2023)

FIAT telah berjaya menganjurkan satu program iaitu 4th Asia Pacific Regional Conference on Food Security (ARCoFS 2023) pada 12 dan 13 September 2023, secara dalam talian menerusi laman sesawang Facebook FIAT. Seramai 45 orang peserta telah membentangkan penyelidikan dan penerbitan mereka dalam program ini.

ARCOFS
4th ASIA PACIFIC REGIONAL CONFERENCE ON FOOD SECURITY

OPENING CEREMONY
"Reimagining Food Security"

Time: 09:00 am - 10:00 am
Date: Tuesday 12 September, 2023

Officiating speech:
Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak
Vice Chancellor
Universiti Malaysia Kelantan

Keynote speech:
Prof. Dr. Yasmina Sultanbawa
University of Queensland
Australia

ARCOFS
4th ASIA PACIFIC REGIONAL CONFERENCE ON FOOD SECURITY
"Reimagining Food Security"

PLENARY SPEAKER

Title: Digital Agriculture in Transforming Grain Corn Industry in Malaysia

Time: 09:00 am - 09:40 am
Date: Wednesday 13 September 2023

Plenary speaker 3:
Mr. Ramanaidu A/L Kalaichelvan
Famox Plantation Sdn Bhd

ARCOFS
4th ASIA PACIFIC REGIONAL CONFERENCE ON FOOD SECURITY
"Reimagining Food Security"

VIRTUAL CLOSING CEREMONY

Time: 13 Sept 2023, 2.30 - 3.30pm

106 announcements:
- Best Oral & Poster Presenters

Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah
Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)
Universiti Malaysia Kelantan

PELAJAR FSDK BERJAYA MEMPEROLEH SIJIL PENGIKTIRAFAN MICROSOFT AZURE AI FUNDAMENTALS



Seramai 3 orang pelajar FSDK yang terdiri daripada 2 orang pelajar prasiswazah iaitu Wong Chin Wee dan Teah Zhi Jie dan seorang pelajar pascasiswazah iaitu Muhammad Afiq bin Che Lah telah memperolehi sijil pengiktirafan Microsoft Azure AI Fundamentals. Sesi pengiktirafan telah dilaksanakan pada 10 Julai 2023 secara dalam talian.

WEBINAR BIZ TALK: ARE WE READY? POST PANDEMIC ERA

Webinar ini diadakan bertujuan mengupas isu bagaimana Malaysia boleh kekal sebagai ekonomi yang berdaya tahan berdasarkan realiti global, persaingan serantau untuk FDI, ketegangan geopolitik dan keperluan tempatan dan gambaran keadaan ekonomi semasa di seluruh dunia, ASEAN. Webinar yang telah dilaksanakan pada 10 Oktober 2023 telah disampaikan oleh Encik Firdaos Rosli, Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam dan Prof Roselina Ahmad Saufi Sebagai moderator.

Penceramah juga mengemukakan isu bagaimana Malaysia mencapai aspirasi ekonominya iaitu ekonomi inklusif dan berpendapatan tinggi, penggubal dasar perlu menilai semula dasar FDI negara terutamanya keperluan untuk mempunyai lebih banyak industri dan sektor dibuka untuk pelabur asing.

Beliau juga menekankan realiti persaingan serantau untuk FDI. Justeru itu, Malaysia perlu berani menghadapi perjuangan dengan memanfaatkan kekuatan yang ada untuk mengekalkan kedudukan ekonomi yang stabil.





PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada:

- Fakulti Keusahawanan dan Peniagaan (FKP)
- Fakulti Pelancongan, Hospitaliti dan Kesejahteraan (FHPK)
- Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)
- Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK)
- Fakulti teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)
- Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE)
- Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI)
- Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)
- Fakulti Sains Bumi (FSB)
- Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT)
- Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business (MGSEB)
- Pusat Pengajian Siswazah (PPS)
- UMK As-Cent
- Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA)
- UMK International (UMKI)

dan semua pihak yang telah bertanggungjawab menyumbang dalam penerbitan WACANA samada secara langsung mahupun tidak langsung.



A Knowledge Valley where
ENTREPRENEURIAL
MINDS
meet, innovate and create

TERBITAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan



www.hea.umk.edu.my



dcvai@umk.edu.my



Pejabat TNCAA UMK